

# Buletin UnISZA

ISSN 2180-0235 | APRIL 2022 | BIL.36



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK  
HOSPITAL PENGAJAR  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

## HOSPITAL PENGAJAR UnISZA

MERCU TANDA BAHARU  
KUALA NERUS



## PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dr. Fadzli Adam  
Naib Canselor

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dato' Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

En. Ismail Musa  
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut  
Bendahari

En. Mohd Fuad Husaini  
Penasihat Undang-Undang

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman  
Pengarah Kampus Besut

En. Muzafar Mohd Din  
Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan  
Pengurusan Perhubungan

## SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

Dr. Mohd Nasir Mat Nor  
Fakulti Perubatan

Dr. Siti Hajar Abdul Rauf  
Fakulti Sains Sosial Gunaan

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee  
Pusat Antarabangsa

Cik Nazilah Mohamad  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Muhammad Hafizi Rozali  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Kaswadi Yusoff  
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin  
Penerbit UniSZA

Pn. Norizan Mohammad  
Penerbit UniSZA

## SENARAI PENYUMBANG

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) (PTNC HEPA)
2. Pejabat Pendaftar (PP)
3. Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB)
4. Fakulti Bahasa Dan Komunikasi (FBK)
5. Fakulti Farmasi (FF)
6. Fakulti Informatik & Komputeran (FIK)
7. Fakulti Sains Kesihatan (FSK)
8. Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG)
9. Fakulti Perubatan (FP)
10. Pusat Pengurusan Bakat & Latihan Unisza (CenTTM)
11. Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC)
12. Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik (CoMAE-I)
13. Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan, Pelaburan & Jaringan Industri (P4P)
14. Pusat Kesenian Dan Warisan (PKW)
15. Pusat Pembangunan Hospital Unisza (PPHU)
16. Pusat Pengajian Teras (PPT)
17. Pusat Sukan & Rekreasi (PSR)
18. Pusat Asasi Sains & Perubatan UniSZA (PUSPA)
19. Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM)
20. Pusat Antarabangsa (IC)
21. Prof. Madya Dr. Wan Mohd Yusof Wan Chik
22. Dr. Salman Amiruddin
23. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee

Hak Cipta Terpelihara © 2022. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2022  
Pengarah, Penerbit UniSZA  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu, MALAYSIA.  
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867  
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



# KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	6
Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat	9
Tokoh	25
Rencana	30
Pencapaian	38
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	47
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	56
Sukan dan Ko-Kurikulum	62
Terbitan UniSZA	74



# Majlis Penyerahan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUniSZA)



Satu majlis penyerahan secara rasmi Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUniSZA) oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan pada 7 Februari yang lalu. JKR diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar) Yang Menjalankan Tugas Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) iaitu Sr. Amran Hj. Mohd Majid, manakala KPT pula telah diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UniSZA, Profesor Dr. Fadzli Adam. Cadangan Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin telah dilaksanakan oleh JKR selaku agensi teknikal negara.

Projek pembinaan hospital ini bermula pada tahun 2016 dan kontraktor utama GPQ Sdn Bhd menyifatkan ia amat mencabar, apatah lagi apabila dunia dilanda pandemik COVID-19 pada hujung tahun 2019 hingga sekarang. Sehubungan itu, ia adalah satu kejayaan yang amat dibanggakan kerana pembangunan HPUniSZA dapat disiapkan dan berjaya diserahkan kepada pihak UniSZA.

Prof. Dr. Fadzli Adam menyatakan bahawa HPUniSZA yang berkapasiti 200 buah katil itu akan menjadi pusat perubatan serta pusat pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Farmasi serta fakulti-fakulti lain yang menawarkan





bidang berkaitan. Beliau menjelaskan lagi, mutu kesihatan masyarakat di Terengganu khususnya dan Pantai Timur amnya dapat ditambah baik dengan kepakaran yang ada pada pensyarah perubatan, pakar perubatan serta doktor daripada Hospital Pengajar UniSZA. HPUniSZA ini mempunyai enam tingkat yang berkapasiti 200 buah katil, 14 Dewan Bedah, dan lapan Klinik Pakar yang dijangka akan beroperasi pada pertengahan 2022 bermula dengan perkhidmatan pesakit luar.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan KPT, Puan Azlinda Azman; Pengarah Pembinaan Pasukan Projek Khas 1 JKR, Dato' Ir. Roslan Ismail; Ahli Lembaga Pengarah Universiti, barisan Pengurusan Tertinggi UniSZA, pegawai kanan JKR, KPT dan UniSZA serta wakil daripada GPQ Sdn Bhd.

Majlis Penyerahan yang diadakan di Dewan Auditorium HPUniSZA didahului dengan acara menandatangani Dokumen Penyerahan Bangunan oleh Pengarah Pembinaan Pasukan Projek Khas 1 JKR dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan KPT dengan disaksikan oleh Prof. Dr. Fadzli Adam serta Sr. Amran Hj. Mohd Majid. Sejurus selepas itu Sr. Amran Hj. Mohd Majid telah menyerahkan replika kunci kepada Prof. Dr. Fadzli Adam sebagai simbolik penyerahan rasmi Hospital Pengajar UniSZA kepada pihak UniSZA.

Terdahulu, dif kehormat telah melawat Galeri Projek dan mendengar taklimat oleh Pasukan Projek Khas 1 JKR Malaysia, di Lobi HPUniSZA. Majlis diakhiri dengan sesi jamuan makan tengahari bersama semua dif jemputan.





# TERENGGANU DARUL IMAN: PENGANTARABANGSAAN SEBUAH PENEMPATAN

Wan Mohd Yusof Wan Chik Zain al-Azhariy, PhD  
mohdyusof@unisza.edu.my

Manusia ialah makhluk bermasyarakat dan membangun serta berkembang secara fitrah. Namun, tahap pembangunan antara sesebuah masyarakat adalah berbeza bergantung kepada faktor dan ciri-ciri manusia yang mendiami sesebuah tempat. Sesebuah masyarakat yang ingin membangun memerlukan persediaan yang rapi merangkumi aspek kepimpinan, pentadbiran, pemikiran, modal insan, lokasi dan kekayaan hasil bumi. Antara mercu pembangunan yang dialami ialah pengantarabangsaan. Ia lazimnya berlaku apabila sesuatu objek didekati oleh pihak luar dengan tujuan berurusan dengannya, sehingga ia berangkaian dalam dunia antarabangsa. Inilah yang cuba dilayari oleh Prof. Dato' Mohamad Abu Bakar dalam Syarahan Kursi Sultan Mizan bertajuk "Terengganu Darul Iman: Pengantarabangsaan Sebuah Penempatan". Beliau telah menggunakan naluri kesarjanaannya untuk menyelak helaian-helaian sejarah negeri Terengganu yang seakan terlipat daripada pandangan warga negeri, apatah lagi orang luar. Lipatan sejarah membuktikan bahawa dunia pengantarabangsaan bukanlah sesuatu yang asing bagi wilayah Pantai Timur yang mengadap Laut Cina Selatan dan menerima para tetamunya zaman berzaman.



Menurut beliau, Terengganu bukanlah "*no man's land*" kerana penemuan arkeologi membuktikan ia sudah didiami sejak ribuan tahun. Ia tidak pernah sama sekali terperuk dari dunia antarabangsa, bahkan sentiasa dimakmurkan dengan litaran perniagaan serantau. Misalnya, setidak-tidaknya dengan pertapakan pengaruh Dong Son yang diikuti dengan hubungan rakan dagangannya seperti Funan, Ayudhya dan Majapahit. Ia juga tidak pernah kaku, bahkan kaya dengan reaksi setempat yang bergerak memantapkan minda masyarakat dan kepimpinannya untuk lebih berani membangun. Paling tidak, bermula dari era Kuala Berang ke era Kuala Terengganu, kesejagatan Syariat Islam telah memacu kedaerahan Terengganu untuk lebih dinamik menangani dan mendepani dunia siri kunjung-mengunjung dengan para pelawat sepelusuk buana. Perkembangan dalam dan luar ini, sedikit demi sedikit membentuk jati diri dan keperibadian "kearifan setempat" Melayu Terengganu '*The Truly Nusantara*'. Ia menjadi wilayah maritim yang kaya dengan aktiviti perdagangan, politik, ilmu, dakwah dan persaudaraan seagama, setempat, serantau mahupun sejagat. Justeru tidak hairanlah pemerintah dan masyarakat di Terengganu dinilai oleh orang luar yang mengunjunginya sebagai mempunyai keperibadian berperadaban tersendiri pada zaman yang disebut sebagai "*history without borders*".

Pengantarabangsaan Terengganu ternyata lebih padat selepas pengasasan Kesultannya di bawah Tun Zainal Abidin (1725-1733). Konflik politik di peringkat setempat, serantau mahupun sejagat menjadikan Terengganu sebagai satu wilayah berwibawa yang mempunyai keberhemahan polisi yang tersendiri. Ini dapat dilihat dalam hubungan diplomatik dengan Kesultanan Johor, pengaruh Bugis, negeri-negeri berdekatan, ancaman Siam, kemaraan kolonialisme-imperialisme Barat, keghairahan kemakmuran Jepun dan kerakusan Komunisme. Hal ini bergerak seiringan dengan pengantarabangsaan perdagangan Terengganu. Dengan penampilan Kuala Terengganu pada awal abad ke 18 sebagai "...seems to be equal or superior to either the Coast of Choromandell or that of Malabar", Terengganu menjadi wilayah persaingan antara kuasa imperialisme Barat sesama sendiri dan dengan pedagang Cina yang dilihat begitu dominan di Lautan Selatan sejak sekian lama. Justeru, persaingan geo-politik Barat dan Cina di Laut China Selatan bukan sesuatu yang baharu bagi kearifan diplomatik Terengganu berdimensi antarabangsa.

Pengantarabangsaan Terengganu dalam politik dan perdagangan juga turut menarik minat gelombang migrasi pelbagai bangsa seperti Bugis, Patani, Arab, Cina, Pakistan dan lain-lain. Ini tidak termasuk kisah kegemilangan perlombongan Bukit Besi, Dungun yang dimulakan oleh sebuah syarikat Jepun, Nippon Mining Co. (NMC) dan diteruskan selepas itu oleh Eastern Mining and Metal Berhad (EMMCO). Tidak ramai yang menyedari ia pernah menjadi kosmopolitan semua bangsa, bermula dari akhir tahun 40-an hingga awal 70-an. Hatta selepas merdeka, Terengganu terus menjadi daerah migrasi yang begitu ramah menyantuni masyarakat

pelarian rantau Asia Tenggara. Ini terbukti dengan migrasi orang Kampuchea di beberapa lokasi dan orang Vietnam di Pulau Bidong.

Mohamad Abu Bakar secara bersahaja telah mengisytiharkan kepada satu kekuatan yang terbentuk di sepanjang sejarah pengantarabangsaan Terengganu, iaitu keakraban interaksi antara agama dan pemerintahan. Ia merupakan satu dimensi 'kearifan lokal' yang menjadi identiti Kesultanan Terengganu. Di wilayah ini, wajah migrasi pendatang hilang lantaran asimilasi total yang berlaku. Mereka menjadi sebahagian dari Terengganu yang antarabangsa bahkan turut menjadi tulang belakang kepada Kesultanan Terengganu. Sebagai contoh, keturunan 'Wan' dari rantau nusantara, dan keturunan Arab, bermula dengan Sharif Muhammad al-Baghdadi sehinggalah Syed al-Idrus dan al-Yahaya. Daripada mereka dan keturunan mereka, lahirnya sebahagian besar tokoh agama dan pemimpin yang berkerjasama dengan pihak istana mengaplikasikan prinsip kebijakan syarak (*Siyasah Shar'iyah*) dan kesejahteraan peradaban bangsa Terengganu.

Apa yang lebih penting di hujung syarahannya, Mohamad Abu Bakar cuba mengetuk minda dan membugar jiwa warga Terengganu untuk menjadi masyarakat yang lebih pro-aktif dan dinamik dalam menghadapi tantangan '*borderless world*'. Terengganu perlu lebih bersedia untuk sama ada rela ditelan globalisasi, berusaha menelannya dengan kemahiran insani atau mengimbangnya dengan kearifan memilih dan berdiplomasi. Dengan kata lain, Terengganu perlu berani mengharmonisasikan antara lipatan sejarah kebijaksanaan, khazanah sumber manusia dan bumi serta cabaran peradaban revolusi industri untuk meneraju atau sekurang-kurangnya menjadi pesaing yang kompetitif dalam dunia global. Hal ini tentunya memerlukan gagasan kepemimpinan dan pemikiran yang berjiwa besar, tidak memandang keupayaan wilayah dari jujuk-jujuk kecil "yang darat pulang ke darat, yang laut pulang ke laut" tetapi sebagai wilayah yang satu, saling melengkapi dan saling memajukan diri. Tiada Kemaman, tiada Kertih, tiada Dungun, tiada Marang, tiada Kuala Terengganu, tiada Kuala Nerus, tiada Kuala Berang, tiada Setiu dan tiada juga Besut. Semuanya seadanya ialah Terengganu nan satu.

Mohamad Abu Bakar dalam cangkir fikirnya ini juga seakan membuat cabaran kepada Terengganu dan seisinya agar lebih berani menjadi "*somewhere*" dalam peta dunia, sekurangnya sebagai "*the workshop of ASEAN*"; bersedia memajukan pelbagai produk yang sudah berakar umbi di wilayah ini seperti maritim, seni bina, seni ukiran, seni kraftangan, tekstil, sektor pelancongan dan kebudayaan yang berbasiskan Melayu Nusantara dan lain-lain. Terengganu juga perlu bersedia memanfaatkan setiap inci wilayah indah yang diwarisi secara inovatif dan lestari untuk dihidangkan secara siap dan mesra kepada masyarakat antarabangsa. Kebergantungan hanya kepada sumber asli seperti minyak dan dahulunya bijih besi adalah merugikan. Kelak akan terus mengekalkan wilayah ini dengan status quo "Penyu terus menangis" di "Negeri Kaya, Rakyat Miskin". Mohamad Abu Bakar seakan mahu melaungkan "Terengganuku, kita tidak perlu menangis lagi" sebagaimana penyu yang menangis lewat wilayah kunjungannya ke Rantau Abang yang terkorban, Kampung Tanjung yang sudah tiada beruntung atau Pulau Bidong yang tersadong. Budaya "*khellok*", tidak mesra dan sambil lewa yang menjadi manifestasi kepada tiada keyakinan diri perlu segera dihanyutkan sejauhnyanya dari pantai dan laut China Selatan sebagai manifestasi kesyukuran terhadap anugerah kenegerian "Ambe anak Teganung".

Di penghujung syarahan ini Mohamad Abu Bakar turut mengingatkan Terengganu agar lebih menghargai kemahiran teknikal nenek moyang mereka dalam pelbagai bidang bertujuan menyantuni cabaran hidup di daratan mahupun di lautan. Tanpa disedari, ia sudah diwarisi oleh anak-anak Terengganu dalam pelbagai industri terkini. Begitu juga, Terengganu perlu memanfaatkan keberadaan UniSZA dan UMT di Kuala Nerus untuk menjadi ikon bandar ilmu yang bestari manusianya dan lestari alamnya. Kecemerlangan bandar ilmu diharapkan mampu mengembeleng seluruh faktor manusia dan alam seisi Terengganu Darul Iman untuk bangkit "gah" di arena antarabangsa.

Dalam syarahan ini, jelas sekali Mohamad Abu Bakar seolah ingin meluahkan isi hati dan misi suci beliau di sepanjang perjalanan membawa jati diri anak Terengganu yang bersebat membesar dengan ikan singgang dan nasi dagang ke persada kesarjanaan antarabangsa. Beliau ingin menyedarkan warga Terengganu untuk lebih menghargai kearifan setempat yang dimiliki sejak turun temurun bagi membangunkan negeri serta disumbangkan kepada masyarakat sejagat. Beliau dalam masa yang sama cuba menenun impian dan harapan seorang anak Marang untuk negerinya dan bangsanya sejak sekian lama. Seolah beliau ingin berbisik kepada setiap warga Terengganu bahawa "bumi Terengganu ini tidaklah "darrat" dengan dunia pengantarabangsaan, turun-temurun." Pendayung sudah di tangan, layar sudah berkibar dan haluan sudah dikhabarkan. Apa yang tinggal hanyalah hati bangsa Terengganu, "mahu atau tidak mahu?".




# UNISZA VENTURE INCUBATOR PROGRAM (U-VIP)

UniSZA *VENTURE INCUBATOR PROGRAM* (U-VIP) yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penjana Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri (P4P) telah diadakan dengan jayanya pada 20 Disember 2021 secara dalam talian (Webex). Tujuan utama penganjuran adalah bagi meningkatkan kompetensi para pensyarah dan staf di fakulti atau Pusat Tanggungjawab yang lain dalam aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan di UniSZA.


Program U-VIP dibangunkan dengan mengambil kira permasalahan yang berlaku dalam aktiviti pengkomersialan di Universiti Awam (UA) dan keperluan pengkomersialan daripada pihak industri bagi menambah baik ekosistem sedia ada. Sehubungan itu, P4P telah menjemput pensyarah dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang telah berjaya dalam pengkomersialan hasil penyelidikan iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan, Ittihad Maju Jaya Sdn Bhd, syarikat 'spin-off' UTHM. Antara yang dikongsikan beliau ialah pengalaman beliau dalam menghasilkan Teknologi Nano dan ciptaan produk beliau iaitu *E.Coli Detector in Water*. Kejayaan untuk mengkomersialkan produk memerlukan cara interaksi yang betul dengan pihak industri dan beberapa inovasi dilakukan supaya produk yang dicipta mendapat tempat dalam pasaran di samping sokongan pihak pengurusan universiti menerusi polisi yang menggalakkan para penyelidik untuk mengkomersialkan produk yang dicipta.

Program U-VIP ini dilihat berupaya menjana pendapatan kepada UniSZA selain meningkatkan



kompetensi para penyelidik dalam aktiviti pengkomersialan hasil penyelidikan. Pelaksanaan U-VIP diharap mampu memberi impak yang lebih besar kepada aktiviti pengkomersialan di UniSZA memandangkan U-VIP ialah program bimbingan pengkomersialan secara berstruktur bagi membimbing dan meningkatkan kompetensi para penyelidik atau pensyarah dalam aktiviti pengkomersialan.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang turut Menjalankan Fungsi Naib Canselor, Prof. Dr. Fadzli Adam. Turut hadir sama Pengarah Pusat Pengurusan Penjana Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri (P4P), Prof. Madya Dr. Fakhrol Anwar Zainol.





# Bengkel Pascanilai Keputusan UI Greenmetric World University Ranking 2021



UI Greenmetric World University Ranking ialah sistem penarafan universiti dunia pertama dan satu-satunya berdasarkan penyertaan sukarela yang memberi penekanan kepada prestasi kelestarian kampus. Usaha ini merupakan inisiatif yang telah dimulakan oleh Universitas Indonesia pada tahun 2010 untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sesebuah universiti dalam program penghijauan dan usaha kelestarian kampus pada setiap tahun di seluruh dunia.

UniSZA juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa UI Greenmetric UniSZA pada tahun 2021 dan Pejabat Pengarah Kampus Besut dilantik sebagai Sekretariat bagi jawatankuasa tersebut. Hasil kerjasama daripada semua ahli, UniSZA telah berjaya menghantar dokumen dan maklumat untuk penyertaan kepada Sekretariat UI Greenmetric World University Ranking pada 27 Oktober 2021. Keputusan penarafan telah diumumkan pada bulan 14 Disember 2021.

Susulan keputusan penarafan tersebut, satu Bengkel Pascanilai Keputusan UI Greenmetric World University Ranking 2021 telah diadakan pada 12 Januari di Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Akademik dan Pentadbiran UniSZA Kampus Besut. Bengkel ini telah bermula pada jam 9.00 pagi dan dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa UI Greenmetric UniSZA seramai 20 orang. Pengarah Kampus, Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman telah mempengerusikan bengkel berkenaan.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk membuat penilaian, perancangan dan tindakan bagi Jawatankuasa UI Greenmetric UniSZA pada tahun 2022. Hasil pascanilai daripada bengkel bakal dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk UI Greenmetric UniSZA.



# CLMC TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN RASMI DARI UPM, UMT DAN UCB

Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) menerima tiga kunjungan hormat dan lawatan rasmi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan University College Bestari (UCB). Pertemuan dengan institusi-institusi tersebut diadakan di Bilik Mesyuarat CLMC dan beberapa buah makmal terpilih di kampus Besut. Kunjungan pertama merupakan delegasi Jawatankuasa Task Force Pembentukan Struktur Organisasi dan Outfit Perjawatan Skim C bersama-sama Exco Persatuan Pegawai Sains, UPM seramai 19 orang pada 1 November lalu bertujuan melihat sistem pengurusan makmal dengan peralatan berteknologi tinggi, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta struktur organisasi skim C di UniSZA.



Lawatan rasmi kedua oleh UMT pula diadakan pada 12 Januari yang diketuai oleh Ketua Bahagian Pengurusan Makmal, Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan, UMT, Chm. Asrul Azani Mahmood bersama sembilan orang pegawai. Lawatan tersebut membincangkan dan berkongsi pandangan mengenai sistem pengurusan makmal, pengurusan instrumentasi dan perkhidmatan, pelupusan sisa berjadual dan sistem kualiti makmal antara UMT dan UniSZA.

Kunjungan hormat seterusnya ialah dari pihak UCB pada 20 Januari. Wakil UCB diketuai oleh Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Prof. Madya Irwan Yusof, Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd dan turut serta beberapa ahli fakulti lain. Tujuan kunjungan ini adalah untuk membincangkan mengenai penggunaan makmal di Kampus Besut untuk pelajar di UCB. Kunjungan ini memberi manfaat dan dapat mengeratkan jalinan kerjasama antara UniSZA dengan institusi luar.





# DRUG FORMULARY PREPARATION WORKSHOP FOR HOSPITAL PENGAJAR UNISZA (HPUNISZA)

The Pharmacy Department of the University Hospital Development Centre (PPHU) organised a Drug Formulary Preparation Workshop from 28th November 2021 to 1st December 2021 via online conference application, WebEx by CISCO. Drug formulary is a list of medications to be made available for hospital usage. It also serves as a reference of drug classes and prescriber categories. Thus, the main objective of this workshop was to exchange ideas and opinions with Head of Departments (HODs), specialists and doctors to determine the need for specific medications for their respective disciplines.


The advisor for this workshop was Dr Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, the director of the University Hospital Development Centre (PPHU) and chaired by Dr Zalina Zahari, Deputy Dean (Academic & Graduate) of the Faculty of Pharmacy who also acts as *Ahli Jawatankuasa Kerja Hospital Pengajar UniSZA*. A total of 27 participants including specialists, medical officers, and fellow nurses from Faculty of Medicine and PPHU attended the workshop.

During the workshop, various drugs from 22 pharmacological classes were presented over the four days, including Nutrition & Mineral and Intravenous Products. The Ministry of Health Medicines Formulary (MOHMF) was used

as the main reference for the drafting of the HPUiSZA Drug Formulary, together with the formularies from other teaching hospitals. All input and feedback from fellow attendees were reviewed and taken into consideration.

At the end of the workshop, a well-constructed formulary was prepared and will be used for the next

step for further approval. The objective of the workshop was profoundly achieved with efforts and cooperation from all the participants involved in the hope that the preparation and establishment of HPUiSZA Drug Formulary will soon be able to facilitate the healthcare services in HPUiSZA in the near future.



# FBK Anjur Bicara Alumni

Program Bicara Alumni Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) Siri 1 dan Siri 2 anjuran Alumni FBK telah diadakan secara dalam talian melalui laman sosial Facebook 'Alumni FBK UniSZA Rasmi'.

Program ini ialah sebuah platform bual bicara antara warga FBK dengan alumni FBK. Bicara Alumni FBK telah menjemput dua orang alumni yang telah berbakti kepada masyarakat. Mereka juga telah membantu rakan-rakan alumni di alam pekerjaan.

Penceramah bagi Bicara Alumni Siri 1 yang diadakan pada 8 September 2021 ialah Saudari Izzatie Zulkifli yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (Kepujian). Manakala Bicara Alumni Siri 2 pula melibatkan graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (Kepujian) iaitu Saudara Navin Francis yang diadakan pada 10 Oktober 2021.

Antara pencapaian Saudari Izzatie Zulkifli yang telah dikongsikan ialah kejayaan beliau menubuhkan syarikat dalam bidang perniagaan madu kelulut yang telah memperoleh sijil pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kejayaan perniagaan beliau ini boleh dijadikan inspirasi kepada para pelajar untuk menceburi bidang perniagaan seperti yang telah dilalui oleh beliau.

Saudara Navin Francis pula merupakan *Head of Communication* di SN Innocation Enterprise dan *Co-Founder* bagi syarikat tersebut. Beliau yang berpengalaman dalam mengendalikan pelbagai aktiviti dalam kalangan masyarakat setempat dan peringkat kebangsaan telah berkongsi teknik perhubungan awam yang berjaya kepada para peserta.

Program seumpama ini mampu membudayakan hubungan antara siswazah semasa, graduan dan juga alumni daripada FBK walaupun hanya dilakukan secara dalam talian. Pihak fakulti dan Alumni FBK UniSZA akan terus komited untuk menganjurkan pelbagai aktiviti dalam usaha memperkasa hubungan antara semua warga fakulti seiring dengan misi dan visi FBK serta universiti.







# FIK Anjur Postgraduate Workshop Seminar

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah menganjurkan dua siri Program *Postgraduate Workshop Seminar* pada 7 Oktober dan 3 November 2021. Panel yang dijemput ialah pensyarah dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Ts. Dr. Wan Azani Wan Mustafa.

Sesi pertama telah diadakan secara dalam talian pada 7 Oktober 2021 menerusi tajuk *Graduate On Time*. Penganjuran siri 1 telah disertai oleh 19 orang pelajar siswazah, manakala, sesi kedua pula telah diadakan secara dalam talian pada 3 November 2021 yang bertajuk *Techniques On Review Article* dan telah disertai oleh 8 orang pelajar siswazah.

Penganjuran seminar ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar siswazah FIK. Program ini telah berjalan dengan lancar melalui penglibatan dua hala daripada panel dan pelajar siswazah. Objektif seminar ini adalah untuk memberikan pendedahan mengenai penyelidikan berkualiti dan memupuk minat para pelajar siswazah terhadap penulisan artikel. Seminar ini juga berjaya meningkatkan kemahiran dan tahap keyakinan pelajar dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi sesi pembentangan viva kelak.



## UniSZA dan UIAM

Bekerjasama Anjurkan *3rd Webinar on Educational Linguistics*

Pada 30 Disember 2021 Pusat Pengajian Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dengan kerjasama Kuliyyah of Languages and Management (KLM), UIAM Kampus Pagoh telah menganjurkan *3rd Webinar on Educational Linguistics*. Webinar yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar ini melibatkan pelajar UniSZA yang mengambil kursus *Language of Persuasion* (BIK31303) di bawah kendalian Dr. Zailani Jusoh (UniSZA) dan pelajar IIUM bagi kursus *Semantics* (ENCO3101) kendalian Dr. Nor Zainiyah Norita Mokhtar. Antara pengisian utama webinar ini ialah pembentangan pelajar bagi kedua-dua kursus iaitu hasil daripada tugas kerja kursus mereka.

Terdapat sebanyak 13 pembentangan berkumpulan pelajar UniSZA Semester 5 dari program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi dan juga 14 pembentangan pelajar UIAM. Selain itu, sebanyak lima kertas kerja dibentangkan oleh pensyarah yang terlibat bagi kursus-kursus tersebut termasuklah satu perucaptama jemputan iaitu Dr. Kelley Crowley dari Shenandoah University, USA. Dr Kelley telah menyampaikan syarahan mengenai '*Non Gender Binary Pronouns (the ze, zir zim etc)*' bagi menjadikan kata nama lebih inklusif dan neutral.

Program yang dilaksanakan melalui platform Zoom ini bermula pada waktu pagi dengan pembentangan oleh sebahagian dari pelajar UniSZA, manakala waktu petangnya pula diisi dengan pembentangan pelajar UniSZA dan UIAM. Penganjuran program ini amat bermakna bagi pelajar memandangkan selama ini pembentangan bagi tugas kursus hanya dibuat secara dalaman iaitu melibatkan rakan-rakan sekelas mereka sahaja. Justeru, menerusi program ini, para pelajar FBK didedahkan dengan pelbagai ilmu berkaitan dengan bahasa Inggeris di samping berpeluang mendengar perkongsian pembentang dari UIAM.



# Majlis Jasamu Dikenang 2021

## Raikan Staf Bersara

Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang pada 13 Disember 2021 di Dewan Baiduri 3, Raia Hotel and Convention Center, Kuala Nerus bagi meraikan seramai 21 orang pesara UniSZA bagi tahun 2021. Penganjuran program tersebut turut dihadiri barisan pengurusan tertinggi universiti, ketua Pusat Tanggungjawab dan para dekan bagi memeriahkan majlis.



Dalam majlis tersebut, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif sebagai wakil daripada para pesara berkongsi petua sihat kepada hadirin. Beliau menganjurkan supaya seseorang sewajarnya membudayakan perkara yang dipuji seperti memberi salam, sayang-menyayangi, berselawat, senyum dan sentiasa bersemangat yang diringkaskan menjadi 5S. Selain itu, beliau mengingatkan perkara berkaitan perjanjian manusia dengan Allah s.w.t., ilmu, istighfar dan ikatkan diri dengan ummah yang diringkaskan sebagai 4I. Lanjutan daripada itu, beliau secara bersungguh menyentuh berkenaan ibadat haji, 'huraikan' dan hisab diri (3H) serta Adab, Azkar (2A) dan Taubat (1T).

Majlis yang diadakan bertujuan meraikan para pesara wajib dan pesara pilihan. Terdapat seramai 12 orang staf yang bersara wajib bagi tahun 2021, iaitu masing-masing enam orang dalam kalangan staf akademik dan staf pentadbiran. Bagi yang bersara wajib pula, hanya seorang sahaja dalam kalangan staf akademik, manakala empat orang lagi merupakan staf pentadbiran. Majlis ini turut mengenang dan mengingati jasa serta sumbangan para staf yang telah meninggal dunia sewaktu dalam perkhidmatan iaitu tiga orang staf akademik dan seorang staf pentadbiran.





# MINGGU CITRA AKADEMIK 2021



Pelaksanaan program Minggu Citra Akademik kali ini berbeza pada tahun sebelumnya kerana ia diadakan secara dalam talian dan disiarkan secara langsung melalui Facebook serta Youtube, berikutan penularan wabak COVID-19. Namun, ia tidak menjejaskan penganjuran program malah ia telah mencapai objektif utama penganjurannya, iaitu memperkasa transformasi akademik dalam pembentukan kurikulum, kaedah pembelajaran dan pengajaran, pentaksiran dan inovasi akademik, meningkatkan kefahaman staf akademik berkenaan *Future Ready Curriculum* dan *Flexible Education with Soul* (FlexS) dan dapat mengadakan latihan secara praktikal dan komprehensif berkenaan kaedah serta teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran.

Minggu Citra Akademik telah berlangsung selama lima hari iaitu pada 28 November hingga 2 Disember 2021 dengan kehadiran pensyarah mengikut bilangan peratusan SOP yang telah ditetapkan. Program Minggu Citra Akademik 2021 bertemakan 'Murabbi Unggul: Mengakari Tradisi Intelektual'. Minggu Citra Akademik merupakan program tahunan

anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa bersama Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan



Pada hari pertama program, *Forum Flexible Education with Soul* (FlexS) bersama Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik, Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab. Halim, selaku moderator serta ahli panel forum jemputan yang terdiri daripada Ketua dan wakil Teras FlexS, iaitu Prof. Madya Dr. Berhanuddin Abdullah, Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar, Dr. Haji Khairi Che Mat, dan Ts. Norkhairani Abdul Rawi. Sesi petang pula diisi dengan perkongsian ceramah bertajuk '*Institutionalizing Industrial Linkages in Academia*' telah disampaikan oleh penceramah jemputan luar, iaitu Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional, Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha.



Pada 29 November iaitu hari kedua telah dipenuhi dengan tiga slot ceramah. Pada awal pagi, ceramah bertajuk 'Memacu DNA Keusahawanan dalam Landskap Pendidikan Universiti' dikongsikan oleh Ahli Lembaga Pengarah, Wawasan Open University, Datuk Dr. Asharuddin Ahmad. Seterusnya, Datuk Dr. Hafsa Hashim yang berpengalaman memegang beberapa jawatan penting seperti Penasihat SME, Bank Islam Malaysia, Pengerusi Yayasan Kepimpinan Wanita, Ahli Lembaga Pengarah SIRIM, Zurich Takaful

dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) meneruskan perkongsiannya yang bertajuk '*Entrepreneurial Mind: Realizing Entrepreneurship as a Life-Long Experience*'. Antaranya beliau telah menyuarakan akibat daripada



COVID-19 yang melanda dunia masa kini telah memberi kesan besar kepada semua perniagaan, malah ia turut dirasai di Malaysia. Kebanyakan peniaga di Malaysia telah bertukar kepada perniagaan norma baharu iaitu secara dalam talian dan ia telah membantu meningkatkan perniagaan mereka. Pada waktu petang program ditutupi dengan dua sesi berbeza iaitu sesi perkongsian fakulti yang melibatkan mentor bersama mentee. Tajuk '*Workshop on Digital Contents Creator: Are you ready to be a content creator? (Series 3)*' telah disampaikan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Ana Haziqah A. Rashid. Bengkel ini melibatkan wakil pensyarah dari sepuluh fakulti yang telah ditetapkan bagi membangunkan reka bentuk dan kursus *Massive Open Online Courseware* (MOOC). Bengkel ini merangkumi tiga siri iaitu fasa praproduksi, produksi dan postproduksi. Bengkel siri I dan siri II telah diadakan lebih awal iaitu pada 17 November 2021. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran staf akademik membangunkan kandungan PdP dalam persekitaran pembelajaran virtual, membantu untuk membimbing, menggalakkan kemahiran semula dan meningkatkan kemahiran

staf akademik dalam tempoh jangka masa panjang.

Program bersambung lagi pada hari ketiga, 30 November 2021. Slot '*Creating a Mobility Culture in the Faculty for Students and Staff*' memulakan acara dan dijayakan oleh Pengarah International Relations Centre, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad. Seterusnya, Forum '*Ilmu, Iman dan Akhlak*' mengambil tempat. Forum yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Nor Hafizi Yusof, ini menengahkan dua orang ahli panel dari kalangan alumni KUSZA. Mereka ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Kerajaan dan Tamadun, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia Dr. Mohamad Nidzam Abdul Kadir dan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Dana Insan Malaysia, Tuan Haji Ahmad Shukri Yusoff. Forum ini membincangkan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat yang menekankan iman merupakan keyakinan terhadap wujudnya Allah s.w.t. dengan hati yang dilafazkan dengan kata-kata dan dilaksanakan amalan serta akhlak pula adalah kelakuan. Oleh itu ilmu dan iman ini mencerminkan akhlak seseorang. Oleh sebab itu ilmu, iman dan akhlak perlu seiring.

Pada hari keempat, program Perdana Mentor-Menti@UniSZA yang melibatkan semua pensyarah dan pelajar telah dijalankan secara serentak. Program ini memberi ruang kepada pensyarah untuk membimbing pelajar dan mendiskusikan tajuk '*Sayangi UniSZA*'. Pada waktu petang pula ceramah '*Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran*' disampaikan oleh Profesor Kehormat, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dato' Ir. Dr. Riza Atiq Orang Kaya Rahmat.

Kemuncak bagi Program Minggu Citra Akademik 2021 adalah pada 2 Disember 2021 yang juga merupakan hari terakhir program. Program hari ini dimulai dengan ceramah oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Kamarul Sukri Mat Teh dengan tajuk '*Murabbi Unggul: Mengakari Tradisi Keintelektualan*'. Antara perkara yang diperkatakan ialah definisi Murabbi itu sendiri iaitu seseorang yang berusaha membina, membentuk, dan membimbing individu lain ke arah sifat kesempurnaan manusia dengan menjauhkan perkara yang merosakkan dan menyelesaikan





masalah yang merintang. Kemudian, Pro-Canselor UniSZA, Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Yusof Haji Mohamed Nor yang menyampaikan syarahan Minda Pro-Canselor bertajuk 'Pendidikan Berasaskan Nilai Memperkasakan Tamadun Bangsa'. Akhir sekali Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniSZA, Tan Sri Dr. Abdullah Mohd Zain menyampaikan ucapan dan sekali gus merasmikan Majlis Perasmian Penutup Minggu Citra Akademik UniSZA 2021. Selain Majlis Perasmian Penutup diadakan, Pelancaran Buku FlexS dan Modul Mu'allim serta pertukaran MoU antara Fakulti Farmasi dengan Alsyifaa turut diadakan.

Buku FlexS yang dihasilkan merupakan manifestasi daripada transformasi akademik UniSZA, iaitu pendidikan berasaskan nilai. Berdasarkan situasi semasa, transformasi pendidikan negara merupakan suatu keperluan untuk memastikan pendidikan di negara ini seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Mewujudkan ekosistem pendidikan yang berkualiti dan fleksibel, memperkasa kurikulum dengan nilai kemanusiaan terarah, melahirkan murabbi soleh dan musleh, serta melahirkan graduan berpersonaliti unggul ialah matlamat utama gagasan FlexS. Penerbitan buku ini menyemarakkan lagi pemerksaan FlexS dan memberi nafas baharu kepada usaha melestarikan pendidikan berasaskan nilai yang sebenarnya telah pun berakar umbi di UniSZA sejak sekian lama.

Penerbitan Modul Mu'allim pula merupakan suatu usaha bagi membantu para pensyarah memperkasa fungsi dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dalam memartabatkan penghayatan ilmu di UniSZA. Teras Murabbi Unggul merupakan satu teras yang penting dalam gagasan FlexS. Hal ini ditegaskan demikian kerana tanpa pembinaan pendidik yang sempurna, usaha untuk memantapkan proses ta'lim dan tarbiah ke arah melahirkan pelajar yang membudayakan gaya hidup sejahtera dan mengutamakan hubungan insaniah yang harmonis berkemungkinan tidak akan tercapai sepenuhnya. Atas premis itulah penerbitan modul ini menggunakan tiga pendekatan. Pertama, ceramah oleh moderator dan sesi perbincangan; kedua, aktiviti modul yang dikendalikan oleh fasilitator; dan ketiga, pelaksanaan oleh pensyarah dalam pembelajaran dan pengajaran. Semoga kefahaman dan kesungguhan para pensyarah dalam melaksanakan kandungan modul ini akan meningkatkan kualiti integrasi ilmu dengan penghayatan agama di UniSZA. Usaha ini juga diharapkan berupaya memberikan impak positif kepada pembudayaan dan pemerksaan ilmu dalam kalangan warganya.



# Program Bina Insan Guru (BIG)



Program Bina Insan Guru (BIG) Sesi Akademik 2021/2022 Pelajar Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) kampus Gong Badak dan Putrajaya telah diadakan dengan jayanya pada 2 hingga 4 Disember 2021 di Peladang Agro Resort, Setiu dan pada 7 hingga 9 Januari 2022 di Semenyih Eco Venture, Selangor.

Program ini merupakan aktiviti yang wajib diikuti oleh semua pelajar DPP sebelum tamat pengajian. Objektif program BIG ini adalah untuk membentuk dan memupuk guru

yang berkualiti serta berketrampilan. Pelaksanaan Kem BIG adalah berasaskan kesedaran bahawa profesion perguruan adalah mulia dan insan guru adalah pembina generasi, pembentuk jati diri dan *role model* kepada masyarakat. Justeru guru perlu menyesuaikan diri dalam semua keadaan dan mampu menangani cabaran era globalisasi.

Para peserta telah mengikuti kesemua aktiviti yang telah dirancang secara berkumpulan. Melalui aktiviti yang dilaksanakan, mereka dapat mengenal diri, meningkatkan keyakinan diri dan mampu mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi ke arah pembangunan diri secara berterusan.

Majlis penutup dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Seksyen Pendidikan Berterusan, Pusat Pengurusan Penjana Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Adzim Khalili Rohin.





# Program IT4U@Besut Campus

## Cetus Fenomena Usahawan Digital

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa FIK dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (PTNCHEPA) telah menganjurkan Program IT4U@BesutCampus pada 30 Disember 2021. Penganjuran program ini bertujuan memberi pendedahan dan inspirasi kepada Komuniti Kampus Besut untuk menarik minat, kesedaran, dan keca knaan terhadap perkembangan teknologi maklumat untuk kehidupan seharian terutama dalam bidang *Security Awareness*.

Komuniti Kampus Besut yang terlibat ialah pelajar dari tiga fakulti iaitu FIK, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) serta Fakulti Farmasi (FF). Pihak penganjur telah melaksanakan Slot Perkongsian Keusahawanan Digital yang berupaya memberi manfaat buat semua mahasiswa meneroka medium sosial sebagai salah satu cabang perniagaan dan mendapat keuntungan melaluinya.

Panel yang terlibat sewaktu Slot Keusahawanan Berasaskan Digital ialah Timbalan Pengarah Bahagian Kerjaya, Kebolehpasaran Graduan dan Jaringan Industri, PaKAT, Dr. Fazida Karim. Katanya, “Perkembangan teknologi digital telah membawa perniagaan dalam apa jua bidang ke peringkat yang lebih berdaya saing melalui kaedah pemasaran mengikut trend semasa seperti menggunakan aplikasi tiktok, facebook dan Instagram bagi meraih perhatian pelanggan”.

Slot Keusahawanan Digital Pelajar pula membawa dua orang panel pelajar FIK yang banyak terlibat dalam pemasaran digital melalui *Freelance Graphic Designer* iaitu Saudari Atfa Humaira Ahmad Zaini dan Saudara Muhammad Syahir Zubir. Penglibatan pelajar UniSZA dalam bidang keusahawanan berupaya meningkatkan kebolehpayaan pelajar dalam meneroka dunia pekerjaan selepas mereka bergraduasi. Perkongsian ini telah membantu agenda untuk meningkatkan kualiti usahawan dalam kalangan pelajar di UniSZA khasnya di Kampus Besut sama ada dalam bidang teknologi maklumat mahupun bidang pertanian.

Panel Slot Keusahawanan Digital Umum merupakan alumni FIK yang kini sudah bergelar usahawan setelah berjaya menubuhkan Restoran Abe Pizza. Para peserta memperoleh input berguna sepanjang perkongsian apabila beliau banyak berkongsi tips dan panduan kejayaan beliau membuka dua cawangan restoran di Pasir Putih dan Kok Lanas, Kelantan.

Antara pengisian lain program ini ialah Pertandingan *Mobile E-Sport* dan Pembentangan Kursus SULAM melalui Subjek CSA23103 *Security Management* dan CSD23103 *Web Application Development*. Para pelajar telah membuat pembentangan mengenai kerja komuniti dengan memberi beberapa saranan penambahbaikan kepada fasiliti dalam Kampus Besut antaranya ialah *Venue Booking Management System*.

FIK yang mempunyai pakar dalam bidang ICT perlu sentiasa membuka ruang dan peluang kepada semua pihak di Kampus Besut bagi menyemarakkan perkongsian berkaitan teknologi maklumat bagi melahirkan mahasiswa yang produktif dalam menghadapi era baharu teknologi perindustrian IR 4.0.

Program IT4U@BesutCampus telah dihadiri kira-kira 120 orang pelajar. Majlis penutup Program IT4U@BesutCampus telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof. Madya Dato’ Dr. Mohd Hafiz Yusoff @ Che Abdullah.



## SEMINAR *SLIM, FIT AND HEALTHY*

Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUniSZA) telah mengorak langkah melalui penubuhan Persatuan Kakitangan Hospital Pengajar Sultan Zainal Abidin atau lebih dikenali sebagai PEKA. Selaras dengan matlamat penubuhannya, PEKA telah menganjurkan aktiviti bersama

ahli dengan melancarkan program pengurusan badan yang diberi nama *Slimpossible*. Menurut hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 mendapati 50.1 peratus daripada orang dewasa mempunyai sama ada berlebihan berat badan atau obes di Malaysia. Melalui data peserta program *Slimpossible* yang berjumlah 230 orang, 45 peratus mengalami berat badan berlebihan manakala seramai 12 orang peserta mengalami obesiti. Justeru, program ini dianjurkan bagi menangani masalah obesiti dalam kalangan kakitangan HPUniSZA khususnya dan warga Malaysia secara amnya.

Dr. Adibah Alawiah Haji Abdul Razak telah dijemput untuk menyampaikan ilmu pengurusan berat badan melalui Seminar *Slim Fit and Healthy*. Beliau merupakan seorang graduasi dari salah satu universiti tempatan dan berjaya menamatkan pengajian dalam bidang *Medical Physiology* di Royal College of Surgeon in Ireland. Sebelum ini, beliau berkhidmat di beberapa buah hospital sebagai doktor dalam bidang pembedahan, perubatan dan sakit puan. Pada akhir perkhidmatannya, beliau berkhidmat di universiti swasta sebagai Profesor Madya dan penyelidikannya sebelum ini adalah dalam bidang *Hormones and vasoconstriction/vasodilatation effect*. Sekarang beliau bergerak bebas “freelance”, usahawan dan banyak terlibat dalam aktiviti kebajikan dan badan bukan kerajaan seluruh Malaysia.

Antara sebab utama beliau dijemput adalah berdasarkan latar belakang beliau sebagai kakitangan perubatan, tambahan lagi beliau arif dalam bidang ini. Mutakhir ini, Dr Adibah telah mengendalikan beberapa *group coaching* yang melibatkan peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat di serata Malaysia dan dipantau oleh staf yang berpengalaman. Lebih meyakinkan lagi, diet yang dikendalikan oleh beliau berlandaskan *evidence based practice* dan beberapa ujian klinikal dijalankan sebagai garis panduan setiap peserta.

Dr. Adibah telah menggariskan antara punca utama kegagalan seseorang untuk berat badan ideal adalah kerana kurang pengetahuan mengenai cara diet yang betul, kurang disiplin dan tiada keseronokan semasa menjalaninya. Tambahnya lagi, keadaan diburukkan lagi dengan sajian makanan segera yang tinggi kandungan

gula dan garam dalam setiap hidangan. Dalam era globalisasi ini, masyarakat cenderung mengambil langkah yang drastik menggunakan bahan-bahan kimia seperti ubatan, pembedahan dan sukan yang ekstrim. Kaedah ini dilihat bersifat sementara dan pada masa yang sama boleh mendatangkan kemudaratan dalam jangka masa panjang.

Beliau turut menghuraikan tentang perubahan fisiologi yang ditunjukkan oleh badan manusia





apabila toksik terkumpul melalui pemakanan yang tidak sihat atau seimbang. Hal ini boleh dikaitkan dengan sepotong hadis *hasan* yang telah diriwayatkan daripada al-Miqdam bin Ma'dikarib r.a., ia berkata bahawa Baginda s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Tidak ada tempat yang lebih buruk daripada memenuhi perut keturunan Adam. Cukup keturunan Adam mengambil apa yang dapat menguatkan tulangnya. Jika ia adalah sesuatu yang perlu untuk diisi, maka satu pertiga makanannya, satu pertiga untuk minumannya dan satu pertiga untuk nafasnya.”

(Hadis Riwayat Tirmizi, no. 2380)


Antara tanda keracunan ialah seperti sakit sendi, *arthrosclerosis*, *fatigue*, *constipate*, *diabetes*, *auto-immune disorder*, dan *migrane*. Lazimnya kita akan terus mengambil ubatan merawat keadaan tersebut sahaja sedangkan masalah utama tidak dirawat sepenuhnya. Beliau menegaskan jika keadaan ini dibiarkan berlarutan akan dikuatiri menyumbang kesan yang lebih serius seperti *cardiovascular disease*, *gout*, *stroke* dan lain-lain.

Beliau mengesyorkan agar peserta mengamalkan diet Mediterranean. Diet Mediterranean merupakan cara pemakanan tradisi kaum Greece, Itali dan pelbagai negara yang bersempadan dengan lautan Mediterranean. Pemakanan mereka berasaskan tumbuhan termasuk bijirin penuh, sayur-sayuran hijau, kacang, buah-buahan, kacang, herba dan rempah ratus manakala sumber utama lemak ialah minyak zaitun. Ikan, makanan laut dan daging putih diambil dalam kuantiti yang sederhana. Manakala daging merah dan manisan diambil dalam kuantiti sedikit sahaja.

Diet ini dilihat lebih efektif kerana boleh mengurangkan radang dan pada masa yang sama dapat memberi nutrisi yang secukupnya untuk membaik pulih kerosakan dalam tubuh badan dan menyingkirkan toksik yang terkumpul. Beliau turut menyatakan bahawa nisbah diet yang efektif adalah 70 peratus melalui pemakanan dan selebihnya adalah senaman yang berkala. Kesan positif dapat dibuktikan bukan sahaja melalui bacaan index jisim badan yang ideal semata-mata malah dikukuhkan lagi dengan bacaan ujian darah yang optimal.

Secara keseluruhannya, program *Slimpossible* telah berjalan dengan lancar dan sambutan yang diterima amat menggalakkan. Diharapkan dengan adanya program sebegini kakitangan HPUniSZA akan memanfaatkan ilmu sebaiknya dan menjadi sebagai model contoh dalam mendidik masyarakat sekeliling mengenai cara hidup yang sihat selari dengan tuntutan di dalam Islam. Ibn Abbas telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

“Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang.”  
(Riwayat al-Bukhari)



# Wacana Pengajian Teras: Salah Faham Kontrak Sosial

Kontrak sosial merupakan isu yang sentiasa disebut dan dibahasakan dalam kalangan rakyat, ahli akademik dan juga ahli politik. Kontrak sosial merupakan isu yang berkait dengan perlembagaan serta sistem politik di Malaysia. Kontrak sosial juga sering kali menjadi perbincangan antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu di Malaysia. Tujuan perbincangan antara Melayu dengan bukan Melayu ialah tentang kewarganegaraan, hak orang Melayu dalam perlembagaan dan sebagainya.

Pusat Pengajian Teras UniSZA telah menganjurkan wacana yang kelapan bagi menghuraikan dengan lebih lanjut tentang Salah Faham Kontrak Sosial pada 7 November 2021 melalui platform *Webex Meetings* dan siaran langsung di *Facebook* Pusat Pengajian Teras. Wacana ini telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah iaitu Profesor Pusat Pengajian Teras, UniSZA bersama dua orang ahli panel iaitu Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta Dato' Dr. Anwar Omar Din, mantan Profesor di Fakulti Sains Sosial Gunaan, UniSZA.

Wacana ini membincangkan berkenaan kontrak sosial daripada dua sudut pandangan yang berbeza iaitu dari segi perundangan dan sejarah. Dato' Dr Anwar Omar Din telah mengupas tentang sejarah fasa kemerdekaan serta isu kerakyatan bukan Melayu menjadi warganegara di Malaysia ini. Manakala, Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad menjelaskan bahawa, dari sudut undang-undang, kontrak sosial adalah tidak wujud dalam falsafah kedaulatan kerana kedaulatan adalah hak mutlak. Hal ini memberi impak yang besar kepada pemikiran masyarakat di Malaysia. Sisi pandang baharu dalam memahami terma kontrak sosial dalam konteks Malaysia telah diulas dalam wacana ini.

Menurut sebahagian pimpinan politik dan ahli akademik, tafsiran istilah kontrak sosial adalah penerimaan bukan Melayu pada hak keistimewaan Melayu termasuklah kedudukan Melayu, kedudukan Islam, kedudukan Raja-raja Melayu dan sebagainya. Sebagai imbalan, orang Melayu menerima pemberian kewarganegaraan orang bukan Melayu di Tanah Melayu bagi menjayakan agenda kemerdekaan. Menerusi wacana ini, kedua-dua panelis bersepakat menolak pentafsiran yang sedia ada dalam kalangan rakyat Malaysia. Penerimaan orang bukan Melayu terhadap hak orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan tidak berteraskan kontrak sosial. Sebaliknya, hak yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah bersifat sedia ada sebelum kemerdekaan dan orang Melayu menerima kewarganegaraan bukan Melayu atas dasar kemanusiaan dan tidak melibatkan rundingan kaum.

Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee telah menyimpulkan bahawa istilah kontrak sosial perlu disingkirkan kerana ia tidak memberi kebaikan namun menambah keburukan dalam institusi kehidupan rakyat Malaysia. Rakyat yang terdiri daripada orang bukan Melayu menuntut hak yang melampau kerana kuasa kontrak sosial yang ditimbulkan tidak tertulis dalam perlembagaan. Penggunaan istilah kontrak sosial akan menyentuh secara langsung pada prinsip kedaulatan dalam kepimpinan negara.

Sebagai rakyat Malaysia yang hidup berbilang bangsa, kita sepatutnya dapat menghormati antara satu sama lain dan menghayati rukun negara dengan sebaiknya. Wacana ini diharapkan dapat memberi fahaman yang tepat dalam pemikiran masyarakat dan diharapkan dapat menyuburkan keharmonian hubungan antara masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum.





## SEJENAK BERSAMA TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)



## PROF. MADYA DATO' TS. DR. MOHD HAFIZ BIN YUSOFF @ CHE ABDULLAH

1. Terima kasih YBhg. Prof. Madya Dato' kerana sudi ditemu bual. Pertama sekali, bolehkah YBhg. Prof. Madya Dato' memerihalkan sedikit latar belakang sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan alumni di UniSZA?

Terima kasih atas peluang yang diberikan oleh pihak Buletin UniSZA untuk memuatkan temu bual ini dalam ruangan Tokoh. Saya menamatkan PhD dalam bidang Sains Pengkomputeran di Universiti Newcastle, United Kingdom pada tahun 2011. Pada tahun yang sama juga, saya berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sehingga bulan April 2013. Selepas itu, saya dipinjamkan ke Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pegawai Khas kepada Menteri Pendidikan Tinggi bermula pada bulan Mei 2013 sehingga Mei 2018. Seterusnya, bermula Mei 2018, saya mula berkhidmat di UniSZA dan bertugas sementara di Fakulti Informatik Komputeran (FIK), Kampus Besut sehingga Januari 2020. Kemudian, bermula pada 1 Februari 2020 hingga bulan Julai 2021, saya dipinjamkan ke Albukhary International University (AIU) Alor Setar, Kedah (AIU) sebagai pendaftar dan profesor di Pusat Pengajian Pengkomputeran dan Informatik. Pada bulan 1 Ogos 2021 sehingga 15 Disember 2021 pula, saya dipanggil semula ke Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pengarah Bahagian Governan IPTS. Seterusnya, saya ditawarkan dan melaporkan diri sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA pada 15 Disember 2021. Asasnya, saya banyak berada di kementerian berbanding di universiti. Mengikut rekod, saya banyak menjalankan kerja pentadbiran berbanding jaluran-jaluran akademik dan penyelidikan.

2. Ketika menerima lantikan sebagai TNC HEPA, pastinya YBhg. Prof. Madya Dato' mempunyai aspirasi yang tersendiri terhadap pembangunan dan kelestarian UniSZA. Boleh YBhg. Prof. Madya Dato' kongsi aspirasi tersebut?

Pertama kali apabila ditawarkan tugas sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, ada dua tiga perkara yang menjadi fokus saya. Pertama ialah kepimpinan pelajar seperti badan perhubungan pelajar atau Majlis Perwakilan Pelajar. Bagi saya, universiti merupakan salah satu tempat yang paling ideal untuk membentuk semangat dan susur galur kepimpinan seseorang individu. Di situlah seseorang pelajar boleh menonjolkan diri sebagai pemimpin dan di situ juga mereka boleh meneroka keyakinan diri mereka. Justeru, saya berhasrat menjadikan UniSZA sebagai salah satu platform terbaik untuk mencungkil bakat dan keyakinan pelajar untuk menjadi seorang pemimpin. Kedua, semangat kesukarelawanan di dalam kampus. Saya perhatikan, para pelajar UniSZA

mempunyai semangat sukarelawan yang tinggi, lebih-lebih lagi ketika kita berhadapan dengan fasa pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebelum wujudnya COVID-19 ini, kita tidak pernah terfikir bahawa keadaan, pengurusan dan keselamatan kampus berada pada tahap sekarang. Jika dahulu kita hanya memikirkan masalah kesihatan mikro atau kecil-kecilan, yang memerlukan pelajar itu pergi sendiri ke klini untuk mendapatkan rawatan. Tetapi apabila wujudnya COVID-19, kita mula memikirkan bahawa satu generasi atau satu kumpulan pelajar mesti berhubung antara satu sama lain untuk membentuk satu ekosistem keselamatan dan kesihatan yang holistik di kampus. Maksudnya, ada ketikanya para pelajar perlu menjadi sukarelawan, kadang-kadang menjadi barisan hadapan dan menjadi pesakit. Jadi dalam konteks ini, saya terfikir bahawa kampus kita mesti mempunyai ciri-ciri tersebut dan kampus kita mesti bersedia untuk memberikan khidmat sama ada dalam konteks pesakit, barisan hadapan mahupun sukarelawan.

Ketiga, berkaitan jati diri UniSZA. Kalau diteliti dari sudut sejarah, UniSZA berasal dari KUSZA seterusnya UDM dan kini UniSZA. KUSZA merupakan salah satu institusi pengajian yang sangat masyhur pada waktu itu dengan tokoh-tokohnya, cara pentadbirannya dan kejayaan yang dicapai. Justeru, sekarang, kita perlu menerokai lagi dan terbuka dengan budaya baharu. Walaupun kita menerima budaya baharu, tetapi kita mesti mempunyai jati diri dan nilai teras yang tersendiri kerana masyarakat akan menilai standard graduan UniSZA. Jadi, ke mana sahaja pelajar, masyarakat boleh menilai Selain itu, *Flexible Education with Soul* (FlexS) yang diperkenalkan oleh UniSZA sangat tepat untuk membentuk jati diri pelajarnya. Keempat, ialah pemindahan ilmu pengetahuan. Pada masa sekarang mungkin kita melihat UniSZA masih kurang keterlihatan dari segi jaringan ilmu di peringkat antarabangsa. Jadi mungkin beberapa inisiatif boleh kita untuk meningkatkan jaringan dan pemindahan ilmu di peringkat antarabangsa.

3. Salah satu kesan pandemik COVID-19 ialah merubah landskap pengajaran, pembelajaran dan aktiviti para pelajar di institusi pengajian tinggi. Dalam konteks UniSZA, apakah inisiatif atau alternatif yang dilaksanakan oleh pihak HEPA UniSZA bagi memastikan para pelajar sentiasa berada dalam suasana yang selamat dan kondusif?

Dalam konteks COVID-19, saya klasifikasikan ia dalam dua keadaan. Pertama, keadaan dan persekitaran kampus dan kolej kediaman yang selamat, kondusif dan sesuai untuk kehidupan para pelajar pada musim COVID-19. HEPA sedaya upaya berusaha menyediakan dan menambah baik persekitaran dan fasiliti terbaik kepada pelajar. Contohnya, kita berusaha untuk menguruskan kes COVID-19 secara profesional iaitu menyediakan pusat kuarantin, pemakanan dan aturan hidup yang terjamin, serta penggiliran yang adil bagi penggunaan bilik sebagai tempat kuarantin. Kedua, segi sokongan kehidupan dalam konteks kewangan. Kita yakin dan percaya bahawa ada dalam kalangan pelajar kita terutamanya dari golongan B40 yang sangat terkesan dengan





pandemik COVID-19. Ada ibu bapa pelajar yang hilang pekerjaan, meninggal dunia dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita berasakan bahawa sokongan kewangan juga perlu diberikan keutamaan. Bagi tujuan itu, HEPA dengan kerjasama kolej kediaman dan persatuan pelajar sentiasa menggerakkan beberapa inisiatif untuk membantu mereka. Kita telah mewujudkan Tabung Perlindungan dan Kesihatan Mahasiswa terutama kepada pelajar yang kehilangan sumber kewangan untuk menampung pengajian di UniSZA. Selain itu, koordinasi HEPA dengan pusat zakat dan wakaf turut digerakkan agar bantuan kewangan boleh dilaksanakan. Ini bermakna, para pelajar bukan sahaja berasa selamat di kampus tetapi juga berasa terjamin dari segi keperluan makan minum dan kewangan. Ketiga, HEPA juga sentiasa melaksanakan libat urus bersama pelajar. Jadi apa sahaja cadangan atau inisiatif yang dicadangkan oleh pelajar akan diambil kira dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan HEPA UniSZA.

4. Dalam dunia yang sedang diwarnai dengan IR 4.0, bagaimana YBhg. Prof. Madya Dato' melihat ia sebagai cabaran dan peluang untuk memperkasa jati diri pelajar sekali gus berdaya saing bagi mengharungi arus semasa yang kian sengit?

Kita melihat Revolusi Industri (IR) 4.0 dari perspektif yang luas. Ia membuka peluang yang besar untuk mewujudkan pekerjaan dan menjana pendapatan kepada generasi muda, terutamanya. Oleh yang demikian, berhubung dengan IR 4.0, apa yang kita akan buat di UniSZA ialah menjadikan pelajar kita lebih bersiap siaga tanpa mengira bidang pengajian mereka. Kebiasaannya IR 4.0 dikaitkan dengan bidang teknologi maklumat atau sains komputer sahaja, tetapi ia sebenarnya ada hubung kait dengan bidang pengajian yang lain seperti bidang perubatan atau pengajian Islam. Justeru, bermula pada sesi akan datang, HEPA akan membangunkan satu modul yang dikenali sebagai *Digital Leadership* untuk semua pelajar yang akan dilaksanakan secara berfasa dan berstruktur. Untuk permulaan, kita akan memperkenalkan modul ini kepada pimpinan pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Kolej Kediaman (MKK) dan ketua-ketua kelab atau persatuan. Tujuannya adalah untuk memberi kefahaman kepada mereka tentang beberapa perkara berkaitan IR 4.0. Terdapat dua kemahiran dalam konteks IR 4.0 yang biasanya perlu dikuasai. Pertama ialah kesedaran tentang maklumat dan kedua ialah pengetahuan digital. Pengetahuan digital ini melibatkan *content creator* dan *problem solving*. Sebagai contoh, walaupun pelajar itu dari bidang pengajian Islam, HEPA akan membimbing mereka tentang bagaimana mereka boleh menghebahkan ilmu pengajian Islam melalui media sosial, poster yang menarik, bahan-bahan multimedia sehingga sampai ke tahap menjadi *youtuber*. Selain Digital Leadership, yang kedua ialah prasarana. HEPA sentiasa mengadakan perbincangan dengan Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR) dan Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PAKAT) untuk menyediakan platform yang boleh memudahkan dan mempercepatkan urusan pentadbiran HEPA supaya walaupun pelajar berada di kampus atau kediaman masing-masing, tetapi urusan dengan HEPA masih boleh dilaksanakan secara dalam talian.

5. Sebagai sebuah persatuan yang paling besar di universiti, MPP seharusnya menjadi tunjang mahasiswa bagi keterlihatan mereka di peringkat global. Berdasarkan pengamatan YBhg. Prof. Madya Dato', adakah mahasiswa sekarang semakin ke hadapan dalam aspek ini dan apakah pembaharuan-pembaharuan yang mereka perlu lakukan.

Secara terus terang saya melihat MPP sekarang jauh lebih baik berbanding pada zaman saya pada awal tahun 2000. Pada masa tersebut kemudahan komunikasi terhad dan ia memberi sedikit cabaran untuk MPP UniSZA.



Contohnya untuk berhubung dengan MPP dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam penyelarasan program-program bersama. Namun kini, MPP sudah kehadapan dan menguasai media sosial dengan baik berbanding zaman awal 2000. Cuma saya melihat, mereka masih mempunyai ruang untuk menerokai lagi teknik komunikasi dan mampu menjadikan MPP UniSZA bertaraf antarabangsa. Ia boleh direalisasikan dengan mewujudkan hubungan dengan universiti-universiti antarabangsa seperti Oxford atau Harvard dan ia boleh dilakukan secara maya memandangkan kita masih berada dalam Fasa Pemulihan COVID-19.

Namun adakalanya, saya melihat misi dan visi MPP masih bersifat lokal sedangkan MPP kini seharusnya meneroka dan menjelajah isu-isu terkini dan antarabangsa. Sebagai contoh, MPP di luar negara telah bercakap mengenai *Sustainable Development Goals* yang mempunyai 17 matlamat iaitu rangka tindakan untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan menjelang 2030. Namun, MPP kita masih memperjuangkan isu lokal seperti kemudahan bas, bangunan atau kekurangan kelas. Saya juga mencadangkan agar MPP lebih menguasai sahsiah dan etika kepimpinan. Selain itu, program yang dianjurkan perlu ditambah baik dengan menyerapkan isu integriti dan hubungan antarabangsa di samping mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Untuk makluman, kini terdapat terdapat lebih 400 buah IPTS di Malaysia. Kerjasama dengan IPTS secara tidak langsung akan mewujudkan hubungan dengan universiti antarabangsa kerana kebanyakan IPTS mempunyai hubungan dengan universiti antarabangsa seperti Sunway University dan Taylor University. In Shaa Allah saya akan cuba untuk mengkoordinasikan perkara ini melalui MPP sesi 2022/2023.

6. [Dari segi kebolehpasaran graduan pula, apakah inisiatif dan tindakan pihak HEPA bagi memastikan graduan UniSZA mampu bersaing dan mendapat tempat dalam industri?](#)

Apabila kita membincangkan tentang kebolehpasaran graduan, kita selalu melihat kepada dua elemen iaitu *job creator* dan *job seeker* iaitu mencipta dan mencari kerja. Semasa saya berada di Kementerian Pengajian Tinggi, banyak industri menyuarakan kebimbangan dengan menyatakan bahawa pihak universiti menyediakan graduan yang tidak sepadan dengan keperluan industri. Contohnya, pihak universiti menyediakan graduan berwarna putih tetapi pihak industri memerlukan graduan berwarna kuning. Ini berlaku kerana pihak universiti mengambil masa 3-4 tahun untuk menghasilkan graduan sedangkan industri hanya mengambil masa enam bulan untuk berevolusi mengikut skop kerja dan keperluan industri. Selain tempoh masa pengajian selama 3-4 tahun, graduan masih memerlukan pengalaman tertentu yang agak sukar untuk memenuhi keperluan industri. Oleh yang demikian, pihak kementerian telah memperkenalkan inisiatif iaitu *Reskilling* dan *Upskilling* iaitu program pelatihan

kemampuan dan untuk meningkatkan kemampuan para graduan bagi menangani isu kebolehpasaran. Contohnya, para graduan dari bidang mekanikal namun pihak industri memerlukan graduan daripada kejuruteraan lain. Jadi, apa yang boleh dilakukan ialah dalam tempoh masa 6-9 bulan pelajar ini bergraduasi, para pelajar ini akan diberikan kemahiran tambahan bagi memenuhi keperluan dan spesifikasi keperluan khas pihak industri. Inisiatif ini mungkin tidak akan





mencapai seratus peratus kejayaan namun ia secara tidak langsung akan meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kesiapsiagaan para graduan kepada industri.

Selain itu, pihak HEPA telah mengambil beberapa inisiatif dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi iaitu inisiatif geran Penjana KPT-CAP and PACE. Geran Penjana KPT-Cap adalah inisiatif kerajaan dalam menangani kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak COVID-19. Inisiatif ini akan memberikan peluang kepada para graduan untuk meningkatkan kemahiran dan mendapat penempatan pekerjaan setelah tamat program dan memenuhi kehendak pihak industri. PACE pula merupakan program kementerian untuk menyokong bakal graduan dengan menyediakan peluang untuk mereka meningkatkan kemahiran sebelum tamat pengajian melalui penyertaan dalam program kepakaran profesional. Contohnya, bakal graduan kejuruteraan perisian dari Fakulti Informatik (FIK). Melalui program PACE, satu sijil tambahan akan diperoleh dari Cisco iaitu rangkaian komputer. Inisiatif ini sedang diperkasa oleh pihak HEPA bersama PAKAT dan kita boleh melihat hasilnya pada masa hadapan.

Selanjutnya, pihak HEPA akan mempergiatkan usaha kerjasama dengan pihak industri melalui PAKAT, Unit Kaunseling UniSZA dan fakulti agar mengenal pasti skop pekerjaan dan model perniagaan demi mengurangkan isu kebolehpasaran. Pihak fakulti boleh melakukan sedikit pengubahsuaian kandungan pengajaran dan kurikulum terutama dalam bidang teknologi dengan melibatkan perisian pengajaran dan peralatan yang secara langsung melibatkan pihak FIK dan Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) di UniSZA yang boleh menambah baik kemahiran pelajar.

7. [Penglibatan alumni amat penting dalam mengembangkan pembangunan UniSZA dan para pelajar. Pada pandangan YBhg. Prof. Madya Dato', apakah aspek sumbangan alumni yang kritikal dan penting bagi memastikan UniSZA terus bergerak maju sebagai sebuah institusi ilmu yang berwibawa?](#)

Apabila kita membicarakan tentang alumni, kita sentiasa melihat sumbangan alumni kepada UniSZA. Saya kelaskannya kepada dua konteks iaitu konteks kewangan dan konteks hubungan. Kedua-dua konteks ini sama penting dan saling memerlukan antara satu sama lain. Contohnya dalam konteks kewangan, ia merupakan asas bagi mengerakkan sesuatu program seperti dana kepada pelajar terutama kepada golongan B40. Walaupun kita mempunyai pusat zakat UniSZA, namun sumbangan alumni masih diperlukan dan ia menjadi platform terbaik untuk alumni UniSZA menyumbang kepada komuniti dan universiti. Melalui Pusat Alumni UniSZA, alumni boleh menjalankan program bersama bakal graduan UniSZA bagi meningkatkan kemahiran dan mewujudkan hubungan dengan pihak industri yang boleh memberikan impak yang besar.

Seterusnya ialah sumbangan hubungan antara alumni dengan UniSZA. Seperti kita sedia maklum, alumni UniSZA berada dalam pelbagai bidang iaitu perniagaan, sektor awam, politik dan industri. Jadi, melalui hubungan ini, para alumni boleh berbakti semula kepada pihak UniSZA dengan menyumbangkan ilmu pengetahuan dari segi kerjaya mereka supaya mereka boleh menjadi role model kepada para pelajar. Selain itu, melalui hubungan ini, para pelajar UniSZA boleh ditempatkan untuk menjalani latihan industri, program sangkutan lawatan dan sebagainya.

Di samping itu, alumni berpotensi menjadi jaringan perniagaan yang baik. Kini, ramai bakal graduan telah menceburi bidang perniagaan secara tidak langsung terutama secara dalam talian. Jadi, alumni boleh memberikan nasihat dan panduan kepada para pelajar dan berkongsi jatuh bangun mereka dalam perniagaan. Kita tidak nafikan bahawa sesuatu perniagaan yang berjaya selalunya dibayangi dengan beberapa kegagalan. Jadi, ilmu kegagalan ini sepatutnya dikongsi agar para graduan yang ingin menceburi bidang perniagaan tidak melakukan perkara yang sama. Walaupun faktor lokasi sedikit sebanyak menghadkan program besar-besaran kita bersama alumni yang kebanyakannya berada di Lembah Klang, namun pihak HEPA akan terus menjalankan program bersama alumni agar ia dapat dimaafkan kepada para pelajar, alumni dan UniSZA.

# PENYAKIT APNEA TIDUR

Salman Amiruddin, MD

Emel: salmanamiruddin@unisza.edu.my

Sleep apnea atau apnea tidur ialah gangguan pada pernafasan yang terjadi ketika tidur apabila saluran udara menjadi sempit disebabkan oleh dinding salur pernafasan yang mengendur dan seterusnya menyempit. Dalam keadaan normal, kondisi ini tidak mengganggu pernafasan. Namun pada penderita apnea tidur, otot menjadi terlalu lemah sehingga menyebabkan penyempitan pada saluran udara yang akhirnya akan mengganggu pernafasan.

Terdapat dua jenis gangguan pernafasan pada penderita apnea tidur, iaitu hipopnea dan apnea. Hipopnea terjadi selama sekitar 10 saat ketika saluran udara menyusut hingga lebih daripada 50 peratus dan mengakibatkan nafas menjadi pendek dan lambat, manakala apnea terjadi ketika seluruh saluran udara tertutup, juga selama sekitar 10 saat. Ketika berlaku apnea, kadar oksigen dalam darah menurun sehingga otak memerintahkan kita untuk bangun dan berusaha bernafas kembali. Sepanjang malam, penderita penyakit ini boleh mengalami apnea dan hipopnea secara berulang-ulang.

## Tahap Apnea Tidur

Tahap keseriusan apnea tidur dapat diukur melalui indeks apnea-hipoponea dengan mengukur kekerapan gangguan pernafasan saat tidur dalam waktu satu jam. Untuk tahap yang ringan, gangguan pernafasan terjadi 5-14 kali dalam waktu satu jam. Untuk tahap sederhana pula, gangguan pernafasan terjadi sebanyak 15 hingga 30 kali per jam. Pada tahap serius, gangguan pernafasan terjadi lebih dari 30 kali dalam waktu satu jam.

Apnea tidur terbagi kepada tiga jenis, iaitu apnea tidur obstruktif, sentral, dan kompleks. Apnea tidur obstruktif adalah jenis yang paling kerap terjadi, iaitu otot tekak mengendur, sedangkan apnea tidur sentral terjadi ketika otak tidak mengirim signal dengan baik pada otot yang mengatur pernafasan. Sementara itu, apnea tidur kompleks merupakan kombinasi daripada apnea tidur sentral dan obstruktif.

Gejala apnea tidur dialami tanpa mengira usia, meskipun umumnya diderita oleh pesakit lelaki dengan berat badan berlebihan (obesiti). Keadaan ini



sering kali tidak disedari oleh penderitanya bahawa pernafasannya terganggu saat tidur. Gangguan tidur yang berulang ini dapat mengakibatkan tubuh menjadi letih dan mengantuk pada siang hari.

## Gejala Sleep Apnea

Berikut ini ialah beberapa gejala yang dialami pesakit apnea tidur:

1. Berdengkur dengan kuat.
2. Sering mengalami nafas terhenti dan kemudian termengah-mengah.
3. Kesulitan untuk tidur nyenyak pada malam hari atau insomnia.
4. Bangun dengan mulut kering atau suara serak.
5. Mengantuk di pagi hari.
6. Sering terbangun pada malam hari untuk buang air kecil.
7. Mudah marah.
8. Tekanan jiwa
9. Penurunan ghairah seksual atau disfungsi ereksi.

Individu yang mengalami gejala-gejala tersebut disarankan untuk segera menemui doktor, terutama jika gejala tersebut sudah mengganggu rutin harian.

## Penyebab Sleep Apnea

Saat tidur, otot di belakang tekak yang menyangga anak tekak, tonsil, dinding tepi tekak dan lidah akan mengendur. Hal ini menyebabkan saluran udara menyempit atau tertutup ketika kita menarik nafas sehingga tidak cukup mendapat oksigen. Situasi tersebut dikesan oleh otak yang bereaksi



membangunkan kita agar saluran udara kembali terbuka. Gangguan tidur obstruktif ini biasanya berlangsung sangat singkat dan berulang dalam masa satu jam. Gangguan tidur lain atau apnea tidur sentral pula membuat kita tidak boleh bernafas sesaat pada waktu otak tidak mengirinkan signal ke otot pernafasan. Akibatnya, kita merasa sukar untuk meneruskan tidur nyenyak atau terbangun dengan nafas yang pendek. Terdapat beberapa faktor yang dapat meningkatkan risiko untuk seseorang mengalami apnea tidur:

1. Jantina - Apnea tidur lebih cenderung terjadi pada lelaki.
2. Memiliki leher yang besar - Ukuran leher yang lebih besar daripada 43cm lebih berisiko mengalami apnea tidur.
3. Obesiti atau berat badan berlebihan - Adanya lemak berlebihan pada anak tekak dan perut boleh mengganggu anda bernafas.
4. Pengambilan ubat penenang - Ubat ini dapat membuat dinding tekak mengendur, contohnya ubat bius dan ubat tidur.
5. Berusia 40 tahun atau lebih - Apnea tidur lebih umum terjadi pada orang-orang di peringkat usia ini.
6. Kelainan pada struktur leher bahagian dalam - Misalnya saluran pernafasan kecil, rahang bawah kecil, dan adenoid yang besar.
7. Hidung tersumbat - Orang mengalami penyumbatan pada hidung lebih berisiko menderita apnea tidur, misalnya kewujudan polip dan kelainan struktur tulang hidung.
8. Riwayat dalam keluarga - Jika terdapat ahli keluarga yang mengalami apnea tidur, risiko bagi seseorang untuk mendapat penyakit yang sama juga akan meningkat.
9. Merokok - Merokok dapat meningkatkan risiko inflamasi dan penumpukan cairan di saluran pernafasan atas.
10. Pengambilan minuman keras - Kebiasaan ini jika dilakukan sebelum tidur akan menjadikan apnea tidur dan juga dengkur bertambah teruk.
11. Menopause pada wanita - Perubahan hormon selama menopause dapat membuat tekak lebih mengendur berbanding kebiasaan sehingga risiko apnea tidur meningkat.
12. Penyakit-penyakit lain - Orang yang menderita gangguan jantung dan stroke berisiko mengalami apnea tidur sentral.

### Diagnosis Sleep Apnea

Diagnosis apnea tidur dapat dimulai dengan bertanya tentang gejala yang dialami pesakit; pemeriksaan fizikal termasuk tekanan darah, mengukur tinggi badan, berat badan dan leher; serta pemeriksaan darah. Jika penyebab apnea tidur masih belum jelas,

doktor akan melakukan ujian tidur (*sleep study*) yang disebut sebagai polisomnografi. Dalam ujian ini, pola pernafasan, degupan jantung dan kadar oksigen tubuh, tahap dengkur, dan beberapa bahagian tubuh lain akan diperiksa. Polisomnografi terdiri daripada kombinasi beberapa ujian, iaitu:

1. Elektromiografi (EMG), untuk memeriksa dan merakam aktiviti signal otot.
2. Elektroensefalografi (EEG) untuk memerhati gelombang otak.
3. Elektrokardiografi (ECG) untuk memeriksa denyutan jantung.
4. Rakaman gerakan otot dada dan perut.
5. Rakaman aliran udara melalui mulut dan hidung.
6. Rakaman degupan jantung dan kadar oksigen dalam darah (pulse oximetry).
7. Rakaman suara dan video ketika tidur.

Selain ujian tidur di klinik, observasi ini juga boleh dilakukan di rumah dengan alat perakam untuk memeriksa paten tidur pesakit di rumah. Alat tersebut merakam kadar oksigen dalam darah, degupan jantung, pola pernafasan, dan aliran udara. Jika pesakit mengalami apnea tidur, hasil ujian akan menunjukkan kadar oksigen yang rendah saat apnea, namun kembali meningkat saat bangun.

### Rawatan Sleep Apnea

Rawatan apnea tidur dilakukan berdasarkan keadaan dan tahap keseriusan penyakit yang dialami. Untuk apnea tidur yang ringan, rawatan yang dianjurkan adalah dengan mengubah gaya hidup seperti:

1. Menghindari ubat-ubatan penenang dan ubat tidur.
2. Menurunkan berat badan jika anda mengalami kelebihan berat badan.
3. Menghindari tidur dengan terlentang. Usahakan untuk tidur dengan posisi tepi.
4. Berhenti merokok bagi yang memiliki kebiasaan merokok.
5. Mengelakkan minuman keras atau alkohol.

Jika cara tersebut belum dapat mengatasi gejala apnea tidur, penyakit yang dialami merupakan tahap serius, maka diperlukan terapi dengan menggunakan beberapa alat, antaranya:

1. CPAP (*Continuous Positive Airway Pressure*)  
CPAP ialah alat untuk meniupkan udara bertekanan positif ke dalam hidung dan mulut. Udara bertekanan positif ini akan mencegah tekak daripada tertutup dan meredakan gejala-gejala yang muncul akibat apnea tidur. Beberapa kesan sampingan daripada teknik perawatan ini

termasuk:

- a. Hidung tersumbat dan berair.
  - b. Sakit kepala.
  - c. Sakit telinga.
  - d. Sakit perut dan perut kembung.
  - e. Rasa tidak selesa akibat pemakaian topeng.
2. BiPAP (*Bilevel Positive Airway Pressure*)  
Alat ini memberikan tekanan udara ketika menarik nafas menjadi lebih tinggi dan tekanan tersebut diturunkan ketika nafas dikeluarkan. Tujuannya adalah untuk membantu penderita apnea tidur sentral yang mengalami pola pernafasan yang lemah.
  3. MAD (*Mandibular Advancement Device*)  
Alat ini dicipta untuk menahan rahang dan lidah daripada menyempitkan saluran pernafasan yang menyebabkan seseorang berdehkur. Alat ini dipakai di atas gigi ketika sedang tidur. Alat ini digunakan bagi orang yang tidak boleh menggunakan alat CPAP disebabkan oleh kesan sampingannya.
  4. ASV (*Adaptive Servo-Ventilation*)  
Alat yang diprogramkan untuk merakam pola pernafasan dan dapat membuat pernafasan menjadi normal ketika tidur dengan memberi tekanan pada saluran udara.
  5. Pemakaian oksigen tambahan  
Pelbagai alat yang dapat menyalurkan oksigen ke paru-paru boleh membantu penderita apnea tidur, khususnya apnea tidur sentral.

Jika terapi dengan alat tidak juga membantu mengatasi gejala apnea tidur atau jika keadaan ini berisiko mengakibatkan komplikasi serius, maka dapat dilakukan pembedahan sesuai dengan keadaan yang menjadi penyebab. Pembedahan yang biasa dilakukan ialah:

1. Bedah bariatric - Pembedahan ini dilakukan bagi mengecilkan saiz perut orang yang mengalami obesiti.
2. Trakeostomi - pembedahan dengan memasukkan saluran tiub ke tekak melalui leher agar pesakit dapat bernafas, meskipun saluran udara terhalang.
3. Tonsilektomi - pembedahan membuang tisu tonsil yang bengkak dan menghalangi saluran pernafasan ketika sedang tidur.
4. Implantasi lelangit - prosedur yang dilakukan dengan memasang implant yang ditanam di dalam lelangit untuk mengurangi getaran dan gangguan dalam pernafasan saat tidur.

5. Adenoidektomi - pembedahan membuang adenoid ketika adenoid terlalu besar dan menghalangi saluran pernafasan ketika tidur.
6. Uvulopalatopharyngoplasty - pembedahan bagi mengangkat tisu di belakang orofarink dan tekak atas, termasuk tonsil dan adenoid. Pembedahan ini dilakukan untuk menghentikan dengkur yang disebabkan oleh getaran daripada struktur tekak.
7. Prosedur pembetulan kedudukan rahang - dalam pembedahan ini ini, tulang rahang diposisikan lebih ke depan daripada tulang wajah, untuk memperluaskan ruang di belakang lidah dan langit-lelangit.

### Komplikasi Sleep Apnea

Berikut ini ialah beberapa komplikasi yang mungkin terjadi, terutama pada pesakit apnea tidur yang serius. Komplikasi tersebut adalah:

1. Hipertensi atau tekanan darah tinggi. Komplikasi ini tidak menimbulkan gejala khusus, tapi meningkatkan risiko pesakit untuk mengalami serangan jantung dan strok. Hipertensi boleh diatasi dengan menjalani pola hidup sihat melalui olahraga secara rutin dan pengambilan makanan sehat.
2. Diabetes jenis 2. Pesakit apnea tidur cenderung mengalami kerintangan insulin sehingga akhirnya menderita diabetes jenis 2.
3. Gangguan hati. Hasil ujian fungsi hati kerap menunjukkan keadaan yang tidak normal pada penderita apnea tidur.
4. Sindrom metabolik. Komplikasi ini ditambah oleh faktor risiko yang berkaitan dengan penyakit jantung, seperti kadar kolesterol tidak normal, kadar gula yang tinggi, serta tekanan darah tinggi.
5. Kemalangan. Pesakit dengan apnea tidur yang serius berisiko mengalami kemalangan semasa beraktiviti pada siang hari kerana rasa mengantuk akibat terganggunya waktu tidur pada malam hari. Ia sering berlaku bagi pemandu kenderaan atau pengguna jentera berat.

### Rujukan


- Michael Friedman. 2008. *Sleep Apnea and Snoring: Surgical and Non-Surgical Therapy*: Elsevier.
- Spicuzza L, Caruso D, Di Maria G. 2015. Obstructive sleep apnoea syndrome and its management. *Ther Adv Chronic*, 6(5): 273-285.



# What Makes Us Unique?

Anuar McAfee

Email: [anuar@uniswa.edu.my](mailto:anuar@uniswa.edu.my)



As someone who studied philosophy, I take the opportunity at times to ask my English students questions that might be considered out of the ordinary. The questions not only get the students to think, but provide an opportunity to express themselves in English, whether their answers are right or wrong, it doesn't really matter, because this exercise gives the class a chance to have a thoughtful discussion while practicing their English.

One of my favourite questions seems simple enough at first glance. "What makes mankind unique?" We all feel humans are different from all other creatures on the face of the planet, so it should be easy enough for my students to express the various reasons why we are different, better or superior from everything else. As expected however, the answers can be harder to find than they first appear.

Students usually think for a few moments before they start to express their views. Often times it is suggested that humans are unique because they have feelings and emotions. But when we probe further, we all agree that many other animals have feelings and emotions too. Any pet owner will tell you that their favourite cat can be gentle and welcoming at times, while aggressive and distant at others. Indeed, animals too have feelings and emotions.

For many centuries, man was looked upon as being different because he made and used tools. 'Man the tool maker' was often quoted. But then in the 1960's a young woman came along and changed all that. In her article 'My Life Among Wild Chimpanzees', Jane Goodall brought to light the discovery that man was no longer the only creature on earth to make tools (Goodall 1963). In her studies of great apes in Tanzania she observed for the first time chimpanzees feeding on termites with the use of straw and sticks. The chimpanzees used these tools to collect termites from deep inside their holes. They wetted the straw to make it more sticky, and broke off the worn ends of the straw when it became less productive. She even observed the chimpanzees finding sticks with leaves on them, and then removing all the leaves, modifying the stick, to make it suitable for collecting termites. This was the first time a non-human had been observed making and using tools. Prior to this, scientists often remarked that the use and creation of tools was the sole domain of mankind.

Closer to home in Malaysia and Indonesia, Orangutans have been known to use tools too (Ennos 2021). They have been observed in the wild by Professor Carel van Schaik of the University of Zurich, Switzerland, making at least two types of wooden tools. One to remove honey from tree hollows, and another to pry open the hard exterior of *cemerang* fruit to get to the nutritious interior. An increasing number of studies have resulted in us observing more and more animals making and using tools. Tool use requires a certain level of cognition and sophistication. To date, 32 species of monkeys have been studied using tools. In addition to this, tool use has

also been recorded in a wide variety of birds, mammals, fish and even invertebrates (Tool Use by Animals 2020)

While tools are tangible and easy to study, work has also been done on some of the more philosophical differences between man and animal. Yuval Noah Harari in his very popular book *Sapiens: A Brief History of Humankind*, argues that what makes us different is the fact that we believe in ‘stories’, we create a fiction (Harari 2018). While all other animals use communication to talk about the reality presented in front of them, humans create new realities. He gives many examples, one of which is the use of currency to buy and sell things. The dollar and ringgit we give so much value to only really exists in our heads. The paper and coins themselves have little worth, but it is the belief we create and share, most of the time, that gives them the value they hold. Cryptocurrency brings this point to another level, with it existing in no physical format, nor being reliant on any central authority, government, or bank for its value. And yet people still use it daily. (Greenberg 2011)



Others have argued that another unique trait of mankind is the fact that we divide into groups and tribes. And once in groups and tribes, we enter into both conflict and cooperation. No other animal is known to divide into seemingly insignificant groups that then compete with each other and display partisanship. For humans the ‘other’ is always looked upon as being inferior. But we have no real evidence how far back this practice goes in our history. And so it is yet another proposition as to what makes us different.

There are however some things more perceptible that we can look at. As an English teacher, we are most concerned about language, and here we may be moving in the right direction. Language is but a form of communication, albeit a very complex one. Are humans the only creatures able to communicate? Of course not. Much of the animal kingdom has been studied with special attention paid to the different forms of communication used. Whales have far travelling calls, fireflies use their synchronised flashing of lights, birds communicate with territorial calls, nesting calls and alarm calls, and bees with their ‘dances’ pass on information as to where the best blooming flowers can be found. All these are diverse examples of communication, certainly not as complex as ours, but communication nonetheless.

Animal psychologist Irene Pepperberg of Harvard University carried out lengthy work focused on animal intelligence with an individual African Grey Parrot that lasted 30 years (Pepperberg 2009). While Pepperberg never claimed that her parrot, Alex, could use language, his communication ability was beyond any other previous studies, even those with apes. The talking bird’s vocabulary surpassed 100 words, and he clearly understood the words he used. He understood the ‘turn-taking’ which is part of communication as well as grasped syntax used in language. When Alex looked into a mirror, he asked ‘what colour’? When he was informed he was seeing the colour grey, he learned it immediately. In fact, Alex is the only animal studied to ever ask his own question.

So communication is something that exists throughout the animal kingdom, but language is different. There are thought to be in the range of 7,000 different languages spoken by humans. In the 1960’s, Charles Hockett, a linguist, put together a list of 13 design features that characterise human languages (Johansson 2021). Hockett’s sixth feature is that language is not limited to the here and now, the present. Most communication between animals is two-sided, involving the speaker and listener, and related directly to the present. But for humans, we use language to talk about other people, and other times, be they past, present or future. This is but one area in which language differs from mere communication (Johansson 2021).

If language is something unique to humans, how did it come about in us? It has to be made clear that even today we do not know with exact certainty where in the brain language learning and use occurs. But it has been argued that the larger brain size of modern humans has allowed languages to develop. Evidence has shown us that over millions of years, brain size has grown in humans. Not only that, but the human brain is considered the most complex thing in the entire universe (Tuarez 2020). It has hundreds of trillions of cells that are joined through a network of trillions of connections. Is this something that may have just happened



on its own? Probably not. There must then be some explanation for why our brains are more complex than anything else we know.

One explanation offered is related to something we do every day, something we take for granted, yet it is perhaps the most significant action we do that makes us unique as humans. All human societies cook the food they eat. In contrast, wild animals never cook what they consume. This great difference is not only a feature that distinguishes us from animals, it also has a possible link to our ability to use language.

Cooked food brings with it several benefits. First, cooking increases the amount of energy and nutrients that can be derived from the food compared to eating it raw. Heating food unlocks nutrition, allowing the total meal to be absorbed and metabolised in the body as compared to raw food, which when consumed, results in only 30-40 percent of the nutrients being digested. Modern humans who try diets of uncooked food run into many health problems. Women in particular who eat exclusively raw foods develop amenorrhea, lacking the ability to menstruate, which would have a major impact on the survival of the species (Rosati 2018).

Applying fire or heat to food softens tough fibres, adds more flavour, and reduces the time needed to chew and digest food. Cooking enabled us to spend less time searching for and chewing food, while increasing our caloric intake dramatically. But not only that, it is thought that the muscle mass needed to chew raw food had a constraining impact on brain growth, as much of the space from the jaw and sides of the cranium were taken up by the massive muscles needed to eat raw food. Once cooking entered the picture, these muscles were greatly reduced, opening up space for the brain to grow (Mott 2012). Evidence of this is found in the loss of a gene responsible for a majority of the massive jaw muscles we see in apes today. This gene disappeared from the human lineage approximately two million years ago (Maher 2004). The result, a drastic reduction in muscle size allowing for weaker jaws and bigger brains.

The greater nutrition intake that resulted from cooking led to a growth in both body and brain size. And this is what has contributed to setting us apart from other animals. Cooking should not be thought of as just an ordinary task that is done every day, but we can now look at it in a different light. Cooking is an important facet of being human. It sets us apart from everything else on the planet. It led to changes in our brain size which facilitated the ability to communicate through language, making us unique in this world. The next time someone asks you 'what makes us unique', you can mention roti canai or nasi lemak, or your favourite dish, because cooking is not only delicious, but it is also an important part of being human.

## References

- Ennos, R. 2021. *The Age of Wood: Our Most Useful Material and the Construction of Civilization*. Scribner.
- Greenberg, A. 2011. *Crypto Currency*. Forbes. <https://www.forbes.com/forbes/2011/0509/technology-psilocybin-bitcoins-gavin-andresen-crypto-currency.html?sh=602498e6353e>. [January 11, 2022].
- Goodall, J. 1963. My Life Among Wild Chimpanzees. *National Geographic*, 124(2): 272
- Harari, Y. 2018. *Sapiens: A Brief History of Humankind* (Reprint ed.). Harper Perennial.
- Johansson, S. 2021. *The Dawn of Language: Axes, lies, midwifery and how we came to talk*. MacLehose Press.
- Maher, B. A. 2004. Bite makes way for brain. *Genome Biology*, 4, spotlight-20040326. <https://doi.org/10.1186/gb-spotlight-20040326-01>.
- Mott, N. 2012. *What Makes Us Human? Cooking, Study Says*. <https://www.nationalgeographic.com/animals/article/121026-human-cooking-evolution-raw-food-health-science>. [January 11, 2022].
- Pepperberg, I. 2009. *Alex & Me: How a Scientist and a Parrot Discovered a Hidden World of Animal Intelligence--and Formed a Deep Bond in the Process* (Illustrated ed.). Harper Perennial.
- Rosati, A. 2018. *Food for Thought: Was Cooking a Pivotal Step in Human Evolution?* Scientific American. <https://www.scientificamerican.com/article/food-for-thought-was-cooking-a-pivotal-step-in-human-evolution/>. [January 11, 2022].
- Tool use by animals*. 2020., from [https://en.wikipedia.org/wiki/Tool\\_use\\_by\\_animals](https://en.wikipedia.org/wiki/Tool_use_by_animals). [January 11, 2022].
- Tuarez, J. 2020. *Is the human brain the most complex thing in the universe?* NeuroTray. <https://neurotray.com/is-the-human-brain-the-most-complex-thing-in-the-universe/>. [January 11, 2022]

# EMPAT FINALIS UniSZA

## RANGKUL KEJAYAAN DI MAJLIS ANUGERAH TOKOH SISWA 2020

Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2020 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah berlangsung secara dalam talian pada 9 November 2021 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Majlis ini diadakan bagi memberi pengiktirafan terhadap pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan holistik dan kompeten selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

Sebanyak 14 anugerah individu dan empat anugerah pasukan dipertandingkan melibatkan enam kluster iaitu Kepimpinan Pelajar, Pembangunan Sosial, Pembangunan Akademik dan Intelektual, Kesukarelawanan, Kluster Khas Individu dan Kluster Khas Pasukan. Seramai lapan orang finalis daripada UniSZA berentap dalam 18 kategori yang dipertandingkan.

Penerima anugerah bagi kategori Anugerah Kepemimpinan Fakulti/Persatuan/Kelab telah disandang oleh Saudari Natasya Afriena Syeif Azizirrahim bagi Program *Internationality Mobility* dan beliau telah menerima Anugerah *Student's Society Leadership Award 2019*. Saudari Noor Azizah Mat Rozlan pula yang merupakan Pengarah Program *Entrepreneurship Development Program 2.0: Thailand Experience*, telah menerima Anugerah UniSZA *Best Entrepreneur Award 2019* bagi kategori Anugerah Kepemimpinan Keusahawanan. Seterusnya penerima Anugerah *Best Volunteerism Team Award UniSZA 2019* pula disandang oleh Pengarah Program *We Care We Serve Series* iaitu Saudara Muhammad Shahril Haja Mohaideen bagi kategori Anugerah Kepemimpinan Sukarelawan (Kesejahteraan Komuniti). Bagi Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik pula dimenangi oleh *Student Volunteer UniSZA* dalam Program Kesukarelawanan dan Kemanusiaan Ke Indonesia 2019 (Medan 3.0) dan Program Pesantren Mawaridussalam Dalam Pendidikan.

Kemena g a n semua tokoh pelajar ini berjaya mengharumkan nama universiti dan memberi semangat serta motivasi kepada pelajar lain untuk mengikut jejak langkah mereka.





# Pelajar UniSZA Rangkul Naib Johan dalam Pertandingan National Micro Enterprise Pitching 2021



Pertandingan National Micro Enterprise Pitching diwakili oleh dua kumpulan dari UniSZA iaitu EZ TRACKER dan Sinar Ajmal Resources. Program ini terbahagi kepada dua sesi iaitu Bootcamp (BMC & Pitching) pada 29 - 30 Mei 2021 dan Penjurian (Kategori & Akhir) pada 12 - 13 Jun 2021 secara maya.

UniSZA telah berjaya merangkul naib johan dalam kategori industri seni dan kreatif yang diwakili oleh Saudara Ahmad Amin Yahaya, pelajar Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dengan syarikatnya Sinar Ajmal Resources. Beliau juga mendapat insentif kemenangan berjumlah RM2000 dalam kategori tersebut.

Program ini dapat membimbing pelajar merangka model perniagaan baharu berteraskan teknologi dan inovasi atau

memperkemarkan model perniagaan sedia ada dengan penambahan elemen teknologi dan inovasi menggunakan kaedah BMC.

Selain itu, model-model perniagaan berteraskan teknologi dan inovasi yang terbaik diberikan pengiktirafan dan menerima suntikan dana bagi memula atau mengembangkan perniagaan dan dapat meningkatkan tahap kesedaran kumpulan peserta/pelajar IPT untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama.

Seterusnya, program ini dapat memperkasa kemahiran insaniah kumpulan peserta/pelajar institut pengajian tinggi dari segi kemahiran berkomunikasi, disiplin kerja, keusahawanan, kreativiti, inovatif, dan permuafakatan dalam kerja berkumpulan. Selain itu, melalui program ini, para peserta dapat menerapkan nilai jati diri yang tinggi dan menggiatkan lagi usaha kolaborasi antara perniagaan pelajar dengan agensi-agensi keusahawanan serta individu-individu yang bertindak sebagai pelabur (*angel investor*).



# Penyelidik UniSZA Dirai Dalam Majlis Apresiasi Penyelidikan 2021



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovsi) dan Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) telah menganjurkan Majlis Apresiasi Penyelidikan 2021 pada 25 November 2021, bertempat di Duyong Marina a Resort, KualaTerengganu. Majlis yang diadakan ini adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada para penyelidik UniSZA yang telah bertungkus lumus dan berjaya memperoleh geran penyelidikan daripada pihak luar universiti sepanjang tahun 2021. Sebanyak 56 geran penyelidikan luar tahun 2021 telah berjaya diperoleh penyelidik UniSZA dengan nilai keseluruhan RM3,870,605. Daripada jumlah tersebut Skim Geran Penyelidikan Fundamental atau *Fundamental Research Grants Scheme* (FRGS) mendominasi nilai keseluruhan iaitu sebanyak RM3,546,502 dengan 37 geran. Sebanyak 19 geran lagi merupakan geran bagi Projek Penyelidikan Luar (PPL) daripada pelbagai institusi yang bernilai RM324,103.



Dari segi pecahan fakulti atau pusat tanggungjawab pula, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan (FPP) memperoleh paling banyak geran iaitu enam geran PPL dan dua geran FRGS. Ini diikuti pula oleh Fakulti Informatik (FIK) dan Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) apabila masing-masing memperoleh enam geran. FIK memperoleh empat geran FRGS dan dua geran PPL, manakala kesemua geran yang diperoleh FSSG ialah geran FRGS. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), serta Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) pula masing-masing memperoleh lima



geran dengan FBIM keseluruhannya memperoleh geran FRGS; FKI memperoleh empat geran FRGS dan satu geran PPL; manakala FUHA memperoleh empat geran PPL dan satu geran FRGS.

Selain itu, terdapat dua buah fakulti dan sebuah pusat kecemerlangan berjaya memperoleh empat geran. Fakulti Sains Kesihatan (FSK) keseluruhannya memperoleh geran FRGS, manakala Fakulti Perubatan (FP) memperoleh tiga geran PPL dan satu geran FRGS. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) pula memperoleh tiga geran PPL dan satu geran FRGS. Sebanyak sembilan geran FRGS lagi berjaya diperoleh oleh Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Pusat Pengajian Teras (PPT) dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Fadzli bin Adam (Menjalankan fungsi Naib Canselor), beliau mengharapkan agar majlis ini menjadi pendorong kepada produktiviti dan memberikan suntikan semangat serta motivasi kepada para penyelidik yang lain untuk lebih agresif dan serius berusaha bagi memperolehi geran penyelidikan daripada pihak luar universiti. Beliau mencadangkan agar majlis apresiasi seumpama ini dapat dijadikan sebagai acara tahunan universiti.





# PESONA FM

## MENYAMBUT ULANG TAHUN PERTAMA



Radio Internet dibawah kendalian pelajar Kelab Media Seni UniSZA; Pesona FM telah menyambut ulang tahun yang pertamanya pada 3 November 2021. Sambutan ulang tahun yang diadakan sepenuhnya secara dalam talian itu telah mendapat komen yang positif serta ucapan selamat daripada para pendengar setia di media sosial secara langsung dari konti Pesona FM.

Radio Internet di bawah seliaan Pusat Kesenian dan Warisan ini telah berjaya mendapat liputan meluas bukan sahaja di Malaysia bahkan sehingga ke luar negara termasuk Amerika Syarikat, Singapura, Indonesia, Cina, Turki, Jepun, United Kingdom dan Greece.

Berdasarkan statistik pendengar sepanjang tahun 2021, Pesona FM telah mencatat seramai 3,424 pendengar daripada 54 negara dengan kadar purata Malaysia (87 peratus), Amerika Syarikat (empat peratus), Singapura (tiga peratus) dan lain-lain (enam peratus). Waktu puncak pendengar pula adalah pada jam 11.00 pagi hingga 1.00 tengah hari pada hari bekerja setiap minggu.

Pesona FM percaya bahawa menyelami dan mendekati pendengar ialah kaedah terbaik untuk terus bertapak sebagai radio Internet universiti secara khususnya dan negeri secara umumnya. Pengisian radio memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai penyalur maklumat dan hebahan universiti malah ia merupakan medium promosi komuniti yang besar sekiranya radio ini dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk universiti dan badan bukan kerajaan setempat turut memberi impak kepada penyampaian maklumat yang tepat sepertimana kami bersiaran menyampaikan pesanan dan saranan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha menangani bersama penyebaran virus COVID-19 dan bantuan mangsa-mangsa banjir.

Pesona FM turut memberi ruang dan peluang kepada semua kakitangan dan pelajar UniSZA untuk berkarya dan berkongsi segala hebahan dan aktiviti yang dilaksanakan.



# Prof. Dr. Nordin Abdul Rahman Dinobatkan sebagai Tokoh Akademik UniSZA 2021



Pengarah Kampus Besut, Prof. Dr. Nordin Abdul Rahman dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Akademik UniSZA dalam Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) UniSZA yang telah berlangsung di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu pada 19 Disember 2021. Beliau membawa pulang wang tunai sebanyak RM5000.00, piala dan sijil yang disampaikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Fadzli Adam.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Fadzli Adam ketika ditemui berkata, Anugerah Akademik Universiti (AAU) merupakan pengiktirafan tertinggi universiti kepada penggerak akademik yang telah banyak memberi sumbangan kepada universiti dalam aktiviti pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, inovasi, pengkomersialan serta mengharumkan nama UniSZA di peringkat global.

"Pengiktirafan ini juga ialah manifestasi keprihatinan dan komitmen universiti dalam memartabatkan staf akademik dalam pentadbiran universiti. Selain itu, pengiktirafan ini akan memberi motivasi kepada staf akademik untuk terus berusaha bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dalam memartabatkan nama UniSZA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa", katanya.

Pada majlis itu, sebanyak sepuluh kategori anugerah akademik yang dipertandingkan antaranya Anugerah Tokoh Akademik, Anugerah Ahli Akademik Harapan, Anugerah Pengajaran, Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk, Anugerah Penerbitan Berimpak Tinggi, dan Anugerah Penerbitan Buku.

Anugerah Ahli Akademik Harapan telah dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa dari Fakulti Sains Kesihatan. Beliau membawa pulang wang tunai berjumlah RM3000.00. Prof. Dr. Hafizan Juahir dari Institut Penyelidikan





Alam Sekitar Pantai Timur pula telah menerima Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk yang membawa pulang wang tunai berjumlah RM2000.00.

Anugerah Pengajaran pula dibahagikan kepada dua kategori. Setiap pemenang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2000.00. Kategori pertama iaitu Sastera dan Sains Sosial telah dimenangi oleh Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, manakala kategori kedua iaitu Sains Gunaan telah dirangkul oleh Ts. Dr. Ismahafezi Ismail dari Fakulti Informatik dan Komputeran.

Anugerah Penerbitan Berimpak Tinggi juga dibahagikan kepada dua kategori iaitu Sains dan Teknologi dan Sains Sosial. Penerima anugerah ini bagi kategori Sains dan Teknologi ialah Dr. Mohd Nasir Mat Nor dari Fakulti Perubatan, manakala pemenang bagi kategori Sains Sosial pula ialah Dr. Wan Mohamad Asyraf Wan Afthanorhan dari Fakulti Perniagaan dan Pengurusan. Masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2000.00.

Bagi Anugerah Penerbitan Buku pula, Buku '*The Teaching of Literature to Less Proficient Students*' oleh Prof. Madya Dr. Radzuwan Ab Rashid, Shireena Basree Abdul Rahman dan Hanita Hanim Ismail dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi telah memenangi Anugerah Penerbitan Buku kategori Sosial/Kemanusiaan, manakala buku '*Refueling and Islamic Government*' oleh Prof. Madya Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali dan Aznan Hasan dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam telah memenangi Anugerah Penerbitan Buku kategori Sains Sosial dan Kemanusiaan-Pengurusan. Buku '*Kitab Risalah fi Bayan Hukm al-Bay wa al-Riba Edisi Tahkik*' oleh Prof. Madya Dr. Hasanulddin Mohd, Ahmad Tirmizi Taha dan Khiral Anuar Daud dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam pula telah memenangi Anugerah Penerbitan Buku kategori Sains Sosial dan Kemanusiaan-Agama. Setiap pemenang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2000.00.

Majlis anjuran Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan itu telah dilaksanakan bermula pada 2017 yang merupakan satu pengiktirafan kepada para pensyarah atas sumbangan kepada UniSZA dalam bidang akademik. Pemilihan penerima anugerah adalah berdasarkan sumbangan mereka pada peningkatan prestasi kualiti pendidikan, sumbangan kepada pentadbiran, penyelidikan, penerbitan, pengiktirafan badan profesional, pengkomersialan, penyediaan siswazah dan khidmat kepada masyarakat serta meletakkan nama UniSZA di pentas global.





# UniSZA Bangunkan Aplikasi Terapi Digital Bantu Pengguna Dadah



Sekumpulan penyelidik UniSZA berjaya membangunkan aplikasi telefon pintar yang dinamakan sebagai Inabah Maya (V-Inabah). Aplikasi ini merupakan program terapi jiwa secara digital dan interaktif bagi membantu komuniti pengguna dadah di dalam negara. Penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa tidak lagi tertumpu kepada golongan dewasa, malah remaja yang masih berada di bangku sekolah turut terlibat. Isu ini menjadi topik yang kerap kali dipaparkan di dada-dada akhbar mahupun di kaca televisyen.

Ketua Projek V-Inabah yang juga merupakan Dekan Fakulti Farmasi, Prof. Dr. Lua Pei Lin berkata, aplikasi itu adalah antara yang terawal di Malaysia menggunakan kaedah terapi jiwa, kerohanian dan keagamaan untuk membantu golongan tersebut mengatasi masalah ketagihan dadah. Projek ini secara rasminya telah bermula pada bulan September 2021 dan kini dalam fasa akhir pengumpulan maklum balas daripada responden.

Seramai 73 orang peserta sangat berpuas hati dengan modul terapi yang disediakan dalam aplikasi V-Inabah ini yang menyediakan nota, video dan latihan yang sesuai untuk rawatan terapi emosi, psikologi dan keagamaan kepada penagih dadah.

V-Inabah adalah projek hasil tajaan geran universiti translasional (TUG) daripada UniSZA yang bernilai RM25,000. Ia turut dibangunkan secara bersama dengan pakar pengajian Islam UniSZA, Prof. Madya Dr. Abdul Manam Mohamad dan pakar teknologi informatik UniSZA, Prof. Dr. Mokhairi Makhtar serta Pondok Remaja Inabah yang terletak di Kampung Sungai Ikan dekat Kuala Nerus.

Pondok Remaja Inabah ialah pusat rawatan pemulihan dadah milik persendirian dan telah beroperasi sejak 1989 serta mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak berikutan kejayaan cemerlang dalam membebaskan penghuninya daripada pengaruh dadah.

Penggunaan aplikasi ini sesuai untuk mereka yang tiada masa untuk mengikuti rawatan terapi dadah secara fizikal terutamanya wanita, golongan profesional yang terjebak dan berdepan masalah pengangkutan atau lokasi jauh dari Pondok Remaja Inabah.

V-Inabah juga pernah memenangi Anugerah Semi Grand ketika dipertanding di Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2021 pada Mac 2022.

# UniSZA Naib Juara

## Debat Diraja IPT 2021

Pasukan Debat UniSZA telah muncul sebagai naib juara Debat Diraja IPT 2021 bagi kategori bahasa Melayu dalam Majlis Kemuncak Debat Diraja Antara IPT 2021. Pertandingan bahas elit ala Parlimen Asia edisi ke-22 kali ini telah diadakan di Hotel Zenith, Putrajaya dan dihoskan oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) serta dianjurkan bersama oleh Majlis Universiti Debat Malaysia (MADUM). Sebanyak 42 pasukan debat telah terlibat dalam penganjuran Debat Diraja IPT pada kali ini. Pelajar yang mewakili UniSZA ialah Saudara Muhammad Izzat Azfar Amirawa, Saudara Muhammad Izzuddin Kamarulzaman, Saudara Muhammad Zulhaniff Mohamed Anas dan Saudara Muhammad Zulzarif Mohd Zakuan.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah berjaya memperoleh gelaran juara setelah menewaskan pasukan UniSZA di peringkat akhir. Namun begitu, kemaraan UniSZA ke peringkat akhir dalam pertandingan berprestij ini merupakan pencapaian terbaik UniSZA sepanjang penganjuran debat ini diadakan sejak dari tahun 1995.

Terlebih dahulu pasukan UniSZA telah berjaya menewaskan pasukan debat Universiti Malaysia (UM) di peringkat suku akhir selepas berjaya menambat hati ketiga-tiga orang juri dengan margin yang tipis. Seterusnya, kemenangan diteruskan lagi selepas pasukan UniSZA berjaya menewaskan pasukan UPNM di peringkat separuh akhir. Perlawanan ini agak mencabar kerana UniSZA bertemu dengan tuan rumah yang turut dihadiri oleh Naib Canselor dan pelajar mereka sendiri yang bertindak selaku penyokong pasukan UPNM. Walau bagaimanapun, pasukan UniSZA berjaya menempah tempat di pentas akhir dengan bertemu juara bertahan iaitu pasukan UIAM. Hal ini sekali gus telah berjaya melakar sejarah kegemilangan, kerana buat julung kalinya UniSZA berjaya ke pentas akhir pertandingan yang kompetitif ini.

Sebelum pertandingan akhir dimulakan, peserta kedua-dua belah pihak telah mendapat usul awal yang menuntut perdebatan tentang isu ASEAN. Fokus isi para pendebat digandakan bagi memberi 100 peratus untuk mencari fakta dan isi yang mantap di peringkat akhir. Hasil sokongan dan bantuan jurulatih, penasihat dan ahli kelab yang lain telah berjaya menempuh pertembungan yang dijangka sengit. Pada pentas akhir, pasukan UniSZA bertindak selaku kerajaan, memberi tentangan yang cukup sengit kepada pasukan UIAM selaku pembangkang. Namun, pasukan UniSZA terpaksa akur dengan pasukan lawan apabila juri bersetuju untuk menolak usul perdebatan.

Pada awalnya, pentas akhir bakal disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, namun Tuanku tidak dapat mencemar duli akibat bencana banjir yang melanda negeri Pahang. Oleh itu, Menteri Pengajian Tinggi iaitu Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, hadir bagi menggantikan dan menyempurnakan majlis tersebut. Turut hadir bersama ialah pengurusan tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi dan wakil pengurusan universiti seperti Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor setiap universiti. Majlis akhir disempurnakan dengan sesi jamuan makan beradab bersama Menteri Pengajian Tinggi dan pegawai tertinggi universiti.





# HERO KOMUNITI

## MISI BANTUAN PASCABANJIR UniSZA CARE DI SELANGOR DAN PAHANG

Seramai hampir 250 orang sukarelawan UniSZA yang terdiri daripada pelajar dan staf telah menyertai Misi Bantuan Pascabanjir UniSZA Care di sekitar negeri Selangor dan Pahang. Para sukarelawan melakukan aktiviti pembersihan di sekitar kawasan PAKR Bukit Rangin, Sungai Pandan, Kuantan, Pahang dan beberapa tempat di Selangor seperti di Bukit Lanchong, Subang Jaya dan Padang Jawa serta Seksyen 17 Shah Alam.



Antara aktiviti pembersihan yang dilakukan adalah seperti membersihkan barangan yang rosak, membersihkan lumpur di dalam dan luar rumah serta membuang perabot yang rosak dan sampah di kawasan sekitar rumah. Selain itu, pasukan kesihatan juga turut turun padang dengan memberi khidmat pemeriksaan kesihatan kepada komuniti sekitar. Sumbangan berbentuk barangan keperluan dan makanan asas turut disampaikan kepada pelajar dan komuniti setempat yang terjejas.

Misi Bantuan pascabanjir ini digerakkan oleh UniSZA melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, *Foodbank*, Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan, Pusat Islam, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan PTj lain. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad turut turun padang bersama-sama dengan sukarelawan bagi mengagihkan bantuan kepada mereka yang terjejas.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) mengagihkan sumbangan bantuan kepada 121 orang pelajar yang terjejas akibat banjir di semua negeri. Agihan bantuan secara tunai dibuat pada 23 hingga 30 Disember lalu di negeri Pahang manakala 28 hingga 30 Disember di negeri Selangor bersempena Misi Bantuan Pascabanjir UniSZA *Care* 1.0 dan 2.0. Lawatan rumah ke rumah keluarga pelajar yang terjejas di negeri Pahang dan Selangor turut diadakan dengan menyerahkan sumbangan tunai sebanyak RM500.00 dan RM200.00 beserta barangan keperluan asas bernilai RM70.00.

Agihan bantuan ini disampaikan oleh Ketua Penolong Pendaftar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA), Encik Mazlan Mohammad; Penyelaras Anugerah Tokoh Siswa, Encik Salman Lambak; serta Penolong Pendaftar Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA), Puan Norsuhaila Sulong. Turut hadir ialah Penolong Pegawai Tadbir, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) Puan Siti Aminah Ab Latif, dan beberapa wakil daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA). Sementara itu, pelajar dari negeri lain yang terlibat dengan bencana banjir turut menerima sumbangan yang disalurkan melalui *Electronic Funds Transfer* (EFT). Sumbangan bantuan ini sekurang-kurangnya dapat meringankan beban pelajar dan keluarga yang terjejas akibat banjir.





## Pelajar UniSZA Juara Program Pembinaan Bakat Siswa Anjuran DBP

Program Pembinaan Bakat Siswa merupakan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. Program ini disertai oleh pelajar universiti awam (UA) dan universiti swasta (US) dari seluruh Malaysia dalam pelbagai bidang pengajian bagi mencungkil bakat untuk menulis esei dan membentangkan video ulasan sastera. Penganjuran Program Pembinaan Bakat Siswa 2021 melibatkan 15 institusi pengajian tinggi UA dan US dengan penyertaan 29 orang pelajar dan 15 orang pensyarah pembimbing dari seluruh Malaysia.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diwakili oleh dua orang peserta iaitu Saudari Anis Hamizah Kamaruzaman dan Saudara Wan Mohamad Irfan Wan Mohd. Fadhli dari Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK). Kedua-dua calon peserta ini telah dibimbing oleh Pensyarah Kesusasteraan Melayu, Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, FBK, Encik Mohd Faradi Mohamed Ghazali.

Ketika kemuncak program pada 9 Disember, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengumumkan Saudari Anis Hamizah Kamaruzaman sebagai juara. Tajuk kajian yang ditanganinya ialah Sastera Memberikan Nilai Jiwa dan Kemanusiaan. Beliau yang merupakan pelajar ambilan pertama program Bahasa Melayu Kontemporari dengan Media Interaktif telah membawa pulang wang tunai sebanyak RM3,000.00 dan sijil penyertaan. Kejayaan yang digapai oleh Saudari Anis Hamizah Kamaruzaman ini merupakan mercu kegemilangan bagi program baharu yang ditawarkan di FBK, di samping sebagai batu loncatan kepada penghasilan graduan yang mempunyai salah satu objektif *Flexible Education with Soul* (FlexS) iaitu melahirkan graduan berpersonaliti unggul dengan perwatakan budaya kerja profesional.

Perlaksanaan program ini dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama iaitu Bengkel Pembinaan Bakat Siswa Penulisan Ilmiah telah dikendalikan oleh Pensyarah Jabatan Kesusasteraan, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya Prof. Madya Dr. Norhayati Ab Rahman pada 16-17 November secara dalam talian. Kategori seterusnya, setiap peserta diberikan sepuluh tajuk pilihan bagi menghasilkan sebuah esei, di samping menghasilkan video rakaman ulasan esei sastera yang berdurasi selama tiga minit. Penyertaan perlu dihantar pada 27 November secara dalam talian.

Program seumpama ini diharapkan berpanjangan agar dapat melahirkan golongan pelapis yang akan meneruskan legasi dalam memartabatkan penulisan esei sastera. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan nilai tambah diri graduan untuk berdaya saing dalam dunia pekerjaan pada masa akan datang.




# Program Kenali Simptom ADHD, Perkongsian Pengalaman dan Solusi

Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor (PTNC), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP), Fakulti Perubatan dan Kor-SUKSIS UniSZA telah menganjurkan Program Kenali Simptom *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), Perkongsian Pengalaman Pesakit dan Solusinya. Program ini telah berlangsung pada 10 November 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi *Sisco Webex*. Seramai 396 orang peserta yang terdiri daripada 253 orang pelajar UniSZA, 123 orang staf UniSZA dan 20 orang peserta luar telah menghadiri program ini. Objektif penganjuran program ini bertujuan memberikan pengetahuan dan pendedahan berkaitan kesihatan mental dalam kalangan pelajar bagi melahirkan pemikiran dan emosi sihat agar menjadi tunggak kesihatan mental yang sejahtera.

Pengisian program ini terbahagi kepada dua slot utama. Slot pertama diisi dengan ceramah pengenalan tentang ADHD dan rawatannya oleh Pensyarah Perubatan atau Pakar Psikiatri, Fakulti Perubatan UniSZA, Dr. Muna Hamiza Asiff. Beliau telah mengupas berkaitan sejarah ADHD serta simpton ADHD pada peringkat awal kanak-kanak dan dewasa. Pengenalpastian simpton ini membolehkan rawatan awal dapat diberikan kepada pesakit.

Seterusnya, slot kedua disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Bidang Foodservice, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Dungun iaitu Puan Norlaila Mat Tahir dengan tajuknya Masalah ADHD dalam Kalangan Pelajar Universiti, Kenal pasti dan Tanganinya Demi Kesihatan Mental. Beliau telah berkongsi kisah kehidupannya sendiri yang merupakan pesakit ADHD dan mempunyai dua orang anak berstatus Autisme. Di samping itu, beliau turut menyentuh teknik pembelajaran dan pengurusan emosi yang berkesan agar dapat dipraktikkan bagi mereka yang mempunyai simpton ADHD. Hal ini bertujuan menghapuskan halangan minda negatif dan membentuk pemikiran positif agar sentiasa yakin serta bersemangat dalam pembelajaran.

Secara keseluruhannya, sambutan yang diterima daripada peserta amat menggalakkan dan reaksi yang diberikan adalah positif. Justeru, Unit Kaunseling PTNC, HEPA berharap dapat menganjurkan lagi program seumpama ini pada masa akan datang.





## Program Keusahawanan Sosial UniSZA Bantu Tingkat Ilmu Pemasaran Digital Golongan OKU



Menyedari pentingnya mempelajari ilmu pemasaran digital, UniSZA melalui Pusat Kerjaya, Keusahawanan dan Jaringan Pintar (PaKaT) dengan kerjasama pelajar kursus Kor Eksplorasi Inovasi Sosial di bawah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) telah menganjurkan bengkel pemindahan ilmu dan pemeraksanaan kemahiran kepada ahli Persatuan Orang Kurang Upaya Anggota Terengganu (POKUAT) pada 15 Januari di *Career Development Centre* (CDC), UniSZA Gong Badak. Seramai 20 orang dari Persatuan Orang Kurang Upaya Anggota Terengganu (POKUAT) yang terlibat dan turut disertai oleh 100 orang pelajar sebagai peserta sokongan. Ceramah ini diadakan secara hybrid. Para peserta dari POKUAT hadir secara fizikal di Career Development Centre, PaKaT, UniSZA, manakala pelajar dan penceramah hadir dalam talian. Penceramah merupakan subject Matter Expert MDEC iaitu Coach Azizie Aziz.

Bengkel yang terbahagi kepada dua slot ini memberi pendedahan kepada peserta tentang penggunaan media sosial bagi tujuan pemasaran. Slot pertama bertajuk “Strategi Pemasaran Digital”, manakala slot kedua pula bertajuk “Optimumkan Pemasaran di Facebook” Melalui kedua-dua slot ini, peserta berpeluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan mempelajari pelbagai kemahiran pemasaran digital. Peserta didedahkan dengan pengetahuan baharu dalam bidang kepentingan pemasaran, pemasaran perorangan, pemasaran dalam talian dan strategi pemasaran yang relevan dengan skop produk atau perkhidmatan untuk diaplikasikan oleh POKUAT.

Kemudian, slot ini disusuli dengan sesi soal jawab kepada penceramah. Terdapat ramai peserta yang memberi kerjasama dengan menanyakan banyak soalan berkaitan tajuk yang telah dibincangkan. Seterusnya, bagi mewujudkan jaringan kerjasama yang baik antara pelajar dengan peserta dari POKUAT, pertandingan kuiz telah diadakan melalui platform ‘Quizizz’. Pelajar UniSZA yang menyertai program ini diberi peluang untuk menguji pengetahuan mengenai POKUAT.

Turut hadir ialah Presiden POKUAT, En. Fakhrudin. Menurutnya, beliau sangat menghargai peluang yang diberikan kepada peserta OKU untuk menghadiri bengkel ini. “Program seperti ini sudah lama tidak dibuat kepada POKUAT, terima kasih kepada penganjur menjemput POKUAT hadir ke UniSZA. Pengalaman ini sangat menyeronokkan kerana dapat belajar seperti seorang pelajar”, katanya. Mereka berharap program sebegini dapat diteruskan untuk merapatkan jurang digital dalam kalangan ahli usahawan. Program sebegini juga dapat memberi impak yang signifikan kepada golongan sasar UniSZA dalam usaha memperkasa program berbentuk keusahawanan sosial.





# PROGRAM UNISZAPRENEUR 2021

Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) telah menjayakan Bootcamp UniSZAPreneur (UP) 2021 pada 8 - 10 Oktober 2021 secara dalam talian. Para peserta UP 2021 didedahkan dengan pelbagai sesi perkongsian ilmu serta teknik inovasi dan keusahawanan.



Sesi pertama dimulakan dengan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri yang disampaikan oleh pensyarah Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Dr. Nor Mazlina Abu Bakar @ Harun, dan pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Puan Nur Salina Ismail. Dalam sesi kedua, peserta didedahkan dengan kaedah untuk menghasilkan idea inovasi menggunakan teknik *design thinking* serta kaedah pembentangan menggunakan teknik NABC yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Inovasi dan Keusahawanan Teknologi UTM, Dr. Umar Haiyat Abdul Kohar. Sesi ketiga pula memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengaplikasikan penggunaan Business Model Canvas (BMC) dalam inovasi dan keusahawanan. Perkongsian ini disampaikan oleh pensyarah Fakulti Perniagaan dan Pengurusan UiTM, Prof. Madya Dr. Rohana Ngah.



Selain itu, terdapat juga sesi dialog berkenaan pengalaman dan tips perniagaan oleh Ketua Pegawai Operasi Farm Fresh, Encik Azmi Zainal. Penerangan berkenaan Program PUNB pula disampaikan oleh Pegawai Keusahawanan PUNB, Encik Mohd Fikrihilmil Abdul Jamil. Kesemua peserta Bootcamp UP 2021 telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan penglibatan yang aktif sepanjang dua hari program berlangsung. Pertandingan UP 2021 dilaksanakan pada 30 Oktober 2021 untuk peringkat separuh akhir dan 20 November 2021 untuk peringkat akhir melibatkan 32 pasukan dan 130 orang pelajar UniSZA.

Pertandingan UP telah menyediakan dua pemenang kategori utama iaitu teknologi serta produk dan perkhidmatan. Pihak PaKaT telah menerima tajaan daripada PUNB berjumlah RM 5000 bagi kedua-dua kategori tersebut. VIEW: *Virtual Examination Watcher* yang diketuai oleh Encik Azwa Abdul Aziz selaku mentor kepada Siti Nur Syafiqah Abdul Rashid, Tung Lit Onn, Muhammad Khalif Aiman Kamarudin, Nur Alya Ayuni Yusman dan Nurshahira Nadhirah Abd Rashid telah memenangi tempat pertama bagi kategori teknologi. Selain itu, kumpulan beliau juga turut merangkul hadiah tajaan PUNB berjumlah RM2500.





CAECUS: *Universal I-Pen*. Anggota kumpulan ini terdiri daripada Nur A'ina A'tirah Rosdi, Nur Farhanah Nabilah Azri, Rabiatul Adawiyah Ahmad Zaidi dan Nurul Atikah Mardarza.

Bagi kategori produk dan perkhidmatan, kumpulan yang diketuai oleh Dr. Nor Mazlina Abu Bakar @ Harun telah merangkul johan bagi kategori produk dan perkhidmatan yang mengetengahkan produk *Sustainable Fashion* (Laci Rabak Dot Co). Ahli kumpulan tersebut terdiri daripada Muhammad Iskandar Mohd Zailani, Nurul Syuhada Kamaruddin, Nur A'fifah Mohd Jamil Hanna dan Mastura Ahmad Sugiran.

Pemenang PUNB *Unichallenge* kategori produk dan perkhidmatan telah dimenangi oleh kumpulan yang dipimpin oleh Dr. Napisah Hussin dengan produk



## UniSZA Anjur **Karnival Industri, Keusahawanan dan Kerjaya (IECC 2021)** Peringkat Negeri Terengganu

Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) UniSZA menganjurkan Karnival Industri, Keusahawanan dan Kerjaya (IECC 2021) selepas penganjuran IECC 2020, 2019 dan 2017. Penganjuran karnival kerjaya kali keempat ini mengekalkan objektif utamanya iaitu menghubungkan kalangan pelajar dengan industri.

Karnival yang diadakan pada 19-20 November 2021 ini berlangsung secara dalam talian dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Pusat Pembangunan Sumber Manusia Terengganu (T'HRDC), Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) dan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB). Lebih 3,000 peluang pekerjaan ditawarkan dengan penyertaan daripada kira-kira 21 buah syarikat antaranya, Maxis, Big Pharmacy, Aliace Steel (M) Sdn.Bhd, AGP International Holdings Pte. Ltd, Jaya Grocer dan JAZRO Robotic Academy.

Manfaat daripada karnival ini bukan sahaja kepada graduan UniSZA tetapi seluruh komuniti negeri Terengganu. Selain itu, salah





satu kelebihan penganjuran karnival adalah untuk mempersiapkan komuniti yang mencari peluang kerjaya dengan kemahiran kerjaya, berinteraksi bersama bakal majikan dalam sektor kerajaan dan swasta serta terlibat dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian di universiti. Selain temu duga, peserta juga boleh menyertai pelbagai webinar kerjaya dan keusahawanan untuk mendapatkan inspirasi dan tips yang boleh memanfaatkan mereka. Pelbagai program dianjurkan seperti Tips Mudah Dapat Kerja, Coffee Talk Bersama ECERDC-PERKESO dan Sembang Santai Bersama Spin Off Company. Pengunjung boleh menonton keseluruhan program yang dipaparkan dalam talian di saluran Youtube PaKaT UniSZA serta berpeluang untuk meneliti peluang pekerjaan yang disediakan melalui pautan <https://pakat.unisza.edu.my/iecc2021>.



Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro & Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu iaitu YB. Haji Mohd Nurkhuzaini Ab. Rahman. Beliau dalam ucapannya berkata, Terengganu komited dan bersungguh-sungguh




dalam membantu rakyat Terengganu, selaras dengan slogan Belanjawan 2021 “Melestarikan Kesejahteraan Bersama”. Seterusnya, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UniSZA iaitu Prof. Dr. Fadzli menyatakan bahawa aktiviti sepanjang IECC 2021 sangat menepati moto UniSZA iaitu ‘Ilmu Demi Faedah Insan’. Beliau turut mengharapkan program ini akan menjadi platform untuk membina kerjasama dan hubungan yang lebih erat antara UniSZA dengan semua yang terlibat.







Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA), dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNCHEPA), Fakulti Perniagaan dan Pengurusan (FPP), Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PAKAT) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Program 3T (*Teens Tuition Teens*) Komuniti Miskin Bandar Siri II.



Program 3T Komuniti Miskin Bandar Siri II merupakan sebuah program komuniti yang menyasarkan pelajar tingkatan lima daripada golongan miskin bandar. Dalam program ini, seramai 105 orang pelajar daripada keluarga B40 telah dipilih untuk menyertai kelas tuisyen percuma dan dikendalikan oleh 16 orang fasilitator yang terdiri daripada pelajar PUSPA, FPP, FIK dan FBK. Para fasilitator dipantau dan dibimbing oleh lapan orang penyelaras subjek yang terdiri daripada pensyarah UniSZA. Peserta program terdiri daripada empat buah sekolah yang telah terpilih iaitu SMK Seri Budiman, SMK Padang Negara, SMK Kompleks Tembesu dan SMK Tengku Mizan. Program ini melibatkan lapan mata pelajaran iaitu Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Matematik Moden, Prinsip Akaun, Teknologi Maklumat dan Bahasa Inggeris.

Program ini telah diadakan selama sepuluh minggu bermula 17 Oktober 2021 hingga 21 Disember 2021 dan merupakan kesinambungan kepada Program 3T Komuniti Miskin Bandar yang telah diadakan pada 2 November 2020 hingga 28 Januari 2021. Ekoran penularan wabak COVID-19, pelaksanaan program 3T Komuniti Miskin Bandar Siri II ini telah diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meets*.

Penganjuran program ini juga telah dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Bank Rakyat. Objektif program ini adalah untuk meringankan beban keluarga B40 yang tidak dapat menghantar anak-anak mereka mengikuti kelas tuisyen berbayar. Di samping itu, ia juga dapat memberi khidmat bimbingan kaunseling dan

akademik secara percuma kepada komuniti miskin bandar terutama kepada pelajar tingkatan lima. Justeru, program ini diharapkan dapat meningkatkan semangat dan motivasi pelajar seterusnya meningkatkan prestasi serta pencapaian akademik para peserta. Selain itu, program ini juga bertujuan melatih fasilitator dalam penyampaian ilmu berbentuk teori dan praktikal kepada pelajar peringkat sekolah menengah atas teras khidmat komuniti dan meningkatkan keterlihatan UniSZA serta Yayasan Bank Rakyat sebagai Hero Komuniti.

Majlis Perasmian Program 3T (*Teens Tuition Teens*) Komuniti Miskin Bandar II ini diadakan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Cisco Webex Meetings* pada 22 Oktober 2021 yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi iaitu Prof. Dr. Fadzli Adam. Turut berucap dalam majlis itu ialah Pengarah Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA merangkap Pengarah Program 3T Komuniti Miskin Bandar iaitu Prof. Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa, dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Bank Rakyat iaitu Tuan Syed Mohamad Akmal Syed Ager.



# UniSZA

## DEKATI GOLONGAN B40 MELALUI PROGRAM 3T (*TEENS TUITION TEENS*)

# UniSZA International Students Remove 1 Tonne of Trash from Terengganu Beach

A total of 37 international students from Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) held a beach clean-up activity in Seberang Takir, Kuala Nerus in late January 2022. The event was organized by the International Centre (IC) together with cooperation from the local community through the Teluk Ketepang Homestay Cooperative. The international students involved came from Syria, Bangladesh, Pakistan, Nigeria and Indonesia, and when combined with the local community a team of more than 60 individuals worked together to clean up the beach.

The site cleaned is a popular section of beach visited by many tourists. While much of the plastic trash washed up on the shore came from other countries, some rubbish was a result of locals not disposing of their waste properly after visiting the beach.

The event began at 8 am and ended at 10:30 am with refreshments for all the participants. During this time over 1,000 kilograms of waste was collected, as a result, a small section of beach was turned from an eyesore into a clean and welcoming place for visitors to enjoy.

There were three main goals to holding the beach clean-up. First among them was to raise awareness among the participants of the importance of environmental issues. Much of the pollution along the coast is a hazard to wildlife, particularly sea turtles which often consume plastic waste, confusing it with their main source of food, jellyfish. By cleaning the beach, participants set a good example to others on how best to take care of the environment.

Another main function of the event was to provide an opportunity for UniSZA international students to engage with the local community. What better way than to work together for several hours on a noble cause, cleaning up a popular tourist destination in Terengganu.

A third benefit from the programme was that it enabled our international students to engage with each other, outdoors, in a safe environment, after spending much of the previous year under tight restrictions due to COVID 19. This was the first event organized by IC in 2022, and the response was overwhelming. Not only did we contribute something positive to the local community, but we strengthened our own community of UniSZA international students in the process.

UniSZA international student numbers have climbed to their highest level ever, with 1,172 students enrolled from over 40 countries. By having events such as this, we can enrich our international students' experience in Malaysia through valuable activities that bring benefit to many. This is in keeping with our motto 'Ilmu Demi Faedah Insan' or 'Knowledge for the Benefit of Humanity'.





# FIK JALIN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI SRIWIJAYA (UNSRI) INDONESIA

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah menerima penawaran Program Mobiliti Berkredit pelajar ke Universitas Sriwijaya, Indonesia (UNSRI) yang diadakan secara maya bermula 17 Oktober 2021 sehingga 19 Februari 2022. Kursus yang ditawarkan oleh UNSRI ialah ITM23703 *Computer Games Development*.

Program Mobiliti Pelajar (*Outbound*) ini telah memberi peluang kepada pelajar FIK untuk mendapatkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan oleh universiti dari luar negara.

Seramai 25 orang pelajar dari Program Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Internet), Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian), Sarjana Muda Sains Teknologi Maklumat (Informatik Media), dan Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Rangkaian Komputer) telah menyertai program tersebut.


Objektif hubungan kerjasama ini adalah untuk memperluaskan pengalaman dari aspek pendidikan pelajar FIK, memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkait bidang ilmu yang diceburi, memperluaskan aktiviti memorandum perjanjian (MoA) yang telah ditandatangani oleh kedua-dua universiti serta melatih pelajar FIK sebagai duta kecil Malaysia.

**PROGRAM MOBILITI BERKREDIT SECARA MAYA**  
FAKULTI INFORMATIK DAN KOMPUTERAN **Bersama**  
UNIVERSITAS SRIWIJAYA (UNSRI), INDONESIA

**JOM SERTAI KAMI!!!**

SYARAT	KEUTAMAAN	PELUANG	TEMPOH
Terima kepada semua pelajar KOD (di) SEMESTER 5 (berhadapan 15 orang sahaja)	Dapat meluaskan kepada pelajar PPKA 3.0 ke atas	Berapa pengalaman antarabangsa Futur Game Programming	Pengalaman Decoding Semester 1/2021/2022 bermula 17 Oktober 2021

**TARIKH TUTUP PENDAFTARAN**  
27 September 2021



# FSSG Bekerjasama dengan UMJ Anjur WISSC 2021

Pengajian sains sosial di Malaysia telah menjangkau hampir enam dekad sejak tertubuhnya Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada tahun 1960. Sehingga kini, bidang Sains Sosial telah ditawarkan di semua universiti awam dan juga universiti swasta di Malaysia. Pada tahun 1980-an dan 1990-an Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) menjadi platform akademik yang menganjurkan pelbagai kegiatan akademik seperti persidangan tahunan dan penerbitan jurnal akademik.



Bagi mengangkat keserjanaan bidang Sains Sosial di Malaysia, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) bersama Universiti Muhammadiyah Jakarta (UMJ) dan Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA) selaku penganjur bersama serta barisan *collaborators* terdiri daripada Universitas Muslim Nusantara Al-Washaliyah, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung, Stisipol Raja Haji Kepulauan Riau dan Universitas Muhammadiyah Ponorogo telah mengambil langkah positif dengan menganjurkan *World Islamic Social Science Congress* (WISSC) 2021 pada 29 dan 30 Disember 2021 secara dalam talian. Seramai 100 peserta dalam dan luar negara telah menyertai program ini.

*World Islamic Social Science Congress* (WISSC) 2021 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. Program ini merupakan kesinambungan program *World Islamic Social Science Congress* (WISSC) yang telah dianjurkan buat kali pertama pada tahun 2015. Objektif utama penganjuran WISSC 2021 adalah untuk menjadi badan utama yang menyatupadukan ahli akademik, profesional, korporat dan pegawai pemerintah dalam kalangan universiti/institusi negara Islam melalui interaksi akademik dan membincangkan segala isu yang melibatkan bidang sains sosial.





# PPT UniSZA dan UMJ Indonesia

## Bekerjasama Anjur International Conference on Fundamental Studies (ICFS) 2021

Berikutan Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah dimeterai antara UniSZA dan Universitas Muhammadiyah Jakarta (UMJ), satu persidangan antarabangsa iaitu *International Conference on Fundamental Studies (ICFS)* telah dijalankan sebagai salah satu aktiviti kerjasama yang turut mendukung visi dan misi UniSZA iaitu melahirkan insan holistik dengan nilai-nilai Naseem melalui pendidikan cemerlang dan penyelidikan berimpak tinggi dalam memperkasa masyarakat. Pada masa yang sama, ICFS membantu ahli akademik untuk mempertingkatkan kompetensi penerbitan di samping memberi pendedahan dalam persidangan antarabangsa terutama bagi pensyarah-pensyarah muda.

Pusat Pengajian Teras (PPT) UniSZA telah menganjurkan ICFS 2021 dengan kerjasama UMJ selama dua hari iaitu pada 8 dan 9 Disember 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Webex. Persidangan ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Fazli Adam. Seramai empat orang ahli akademik telah dijemput untuk menyampaikan ucap-tama iaitu Pengarah PPT, Profesor Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar; Rektor UMJ, Dr. Ma'mum Murod Al-Barbasy; Pengarah *Centre for Promotion of Knowledge and Language* Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan Presiden dan Naib Canselor *Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL)*, Prof. Dato' Dr. Noor Inayah Yakoob. Di samping itu, 30 orang peserta dari dalam dan luar UniSZA yang terdiri dari kalangan pensyarah dan pelajar pasca siswazah telah menyertai dan membentangkan kertas masing-masing di ICFS 2021.

ICFS 2021 diadakan dengan tujuan menjadi medan perkongsian ilmu pengetahuan dan menghasilkan idea terkini dalam bidang penerbitan serta penyelidikan sesama penyelidik dari dalam dan luar negara yang membincangkan berkenaan pengajian teras. Selain itu, persidangan ini juga akan menjadi satu landasan terbaik dalam mengukuhkan hubungan silaturahim antara PPT dan universiti yang dijalinan perjanjian kerjasama.


Pembentukan kursus mata pelajaran umum (MPU) adalah berdasarkan lima asas utama iaitu Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2022, Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum. Selain itu ia juga mengambil kira bidang tujuhan universiti. Perkara asas ini dinyatakan oleh Pengarah Pusat Pengajian Teras (PPT) UniSZA, Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar dalam ucap-tama beliau yang bertajuk *Direction and Development of Fundamental Studies in Malaysia* di *International Conference on Fundamental Studies (ICFS)* pada 8 Disember 2021.



Ujar beliau lagi, kelima-lima rukun di bawah Rukun Negara mewarnai pembentukan kursus teras di universiti yang menjadi kursus wajib bagi semua program pengajian akademik di universiti di Malaysia.

Persidangan yang diadakan selama dua hari ini dibahagikan kepada dua sesi selari bagi memberi ruang kepada enam tema pembentangan iaitu *Civilisation, Lifelong Learning, Social Engagement, Communication dan Islamic Studies dan Entrepreneurship*. Setiap sesi dikendalikan oleh seorang moderator dari kalangan staf akademik PPT.

Sambutan yang diterima daripada para peserta amat baik dan rata-rata telah memberikan yang terbaik serta respon yang sangat positif. Rakan kerjasama iaitu UMJ juga amat berpuas hati dengan persidangan antarabangsa yang dijalankan buat julung kalinya ini.



# Program Kerjasama

## International Academic Forum on Radiography Education and Technology During Pandemic COVID-19



Pusat Pengajian Pengimejan Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) dengan Kerjasama Jurusan Teknik Radiodiagnostik dan Radioterapi Politeknik Kesehatan (POLTEKKES), Semarang telah mengadakan *International Academic Forum on Radiography Education and Technology During Pandemic COVID-19 (IRET)*. Program ini telah dijalankan pada 8 November 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dan YouTube, bersempena dengan *World Radiography Day 2021* yang disambut pada setiap tahun untuk bersama meraikan dan menyemarakkan semangat dalam menggerakkan bidang Radiografi agar terus ke hadapan seiring dengan perkembangan global. Program ini dijalankan bertujuan membuka ruang perbincangan dan perkongsian pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam situasi pandemik di samping mengetengahkan perkembangan teknologi dalam bidang Radiografi selari dengan situasi semasa yang sedang melanda dunia.

Program ini dibuka dengan aluan daripada Dekan FSK, Prof. Dr Sakinah Harith, dan Pengarah Polkesmar, Dr. Marsum, BE, S.Pd, MHP, bagi merasmikan forum ini. Program diteruskan dengan perkongsian berkaitan tema forum dari wakil bidang Radiografi dari Malaysia, iaitu Ketua Pusat Pengajian Pengimejan Perubatan, UiTM, Puan Ann Erynna Thomas, dan wakil dari Indonesia, Puan Darmini, S.Si, M.Kes. Seperti sedia maklum, seluruh dunia telah dilanda dengan wabak COVID-19 dan terdapat beberapa negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengurangkan penularan wabak ini termasuk Malaysia dan Indonesia. Pelaksanaan PKP ini telah menghadkan pergerakan setiap individu untuk keluar bekerja dan perlu melaksanakan segala tugas hanya dari rumah. Menurut Puan Ann Erynna, dalam sistem Pendidikan di Malaysia, para mahasiswa diperkenalkan dengan *Online Distance Learning (ODL)*. ODL ialah proses pengajaran dan pembelajaran secara maya. Katanya ODL adalah satu sistem pendidikan yang fleksible ketika musim pandemik COVID-19 ini. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa dalam bidang radiografi ini, ODL agak kurang berkesan kerana bidang radiografi ini bukan semata-mata teori kerana ia memerlukan pengalaman praktikal di hospital atau makmal yang perlu dijalankan secara bersemuka. Namun katanya, keberkesanan ODL bagi bidang radiografi ini telah bertambah baik sejak permulaan PKP pada tahun 2020 kerana menurut penyelidik di Cardiff University, kemudahan teknologi





dalam talian dilihat berkait secara langsung kepada penerimaan terhadapnya. Seterusnya, menurut Madam Darmini, S.Si, M.Kes dari Indonesia, beliau menyatakan bahawa dalam tempoh pandemik COVID-19 ini, para pensyarah menghadapi pelbagai masalah terutamanya untuk sesi pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar. Dengan perubahan kaedah pengajian, pensyarah perlu menggunakan platform dalam talian seperti Cisco Webex dan Google Meet supaya dapat berinteraksi dengan pelajar dan memastikan supaya para mahasiswa tidak ketinggalan dalam pembelajaran.



Program diteruskan dengan sesi forum. Penganjuran forum ini adalah yang kali pertama diadakan menggabungkan empat panel yang terdiri daripada dua ahli akademik dan dua pelajar dari kedua-dua buah negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Ahli panel saling berkongsi kepakaran dan idea tentang pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam situasi pandemik dari dua perspektif, pengajar dan pelajar serta dua dimensi geografi di Malaysia dan Indonesia. Menurut keempat-empat panel ini, terdapat kelebihan dan kekurangan ketika menjalani pembelajaran dan pengajaran semasa pandemik COVID-19 ini. Pelajar akan menghadapi masalah Internet semasa kelas dalam talian. Selain itu, pembelajaran secara amali pelajar turut terjejas kerana tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka dan para pensyarah perlu menyediakan video simulasi untuk mereka. Di samping itu, menurut dua pelajar dari Malaysia dan Indonesia, iaitu Panel 3 Maria Ulfah dan Panel 4 Aura Alifiyah, mereka menyatakan bahawa pelajar perlu sentiasa berhubung dengan orang sekeliling untuk kekal bermotivasi dan sentiasa meminta supaya diberi sokongan. Seterusnya, dalam era pandemik ini, pelajar perlu sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan melakukan aktiviti yang menyeronokkan bukan sahaja terlalu fokus kepada pembelajaran. Pelajar perlu membaca banyak buku, membuat sedikit penyelidikan dan sentiasa berani mempelajari perkara baharu. Contohnya, dalam bidang radiografi ini pelajar mesti mempelajari kemahiran baharu seperti melakukan imbasan MRI dan CT dan bukan hanya fokus kepada topik yang diajar di dalam kelas sahaja.

Penganjur juga berbesar hati dengan kehadiran Presiden Persatuan Juru X-ray Malaysia, Ts. En. Sawal Marsait, dan Presiden Perhimpunan Radiografer Indonesia, Dr. Sugiyanto, S.Pd.MAppSc, yang telah merasmikan sambutan *World Radiography Day 2021* dan sekali gus melancarkan dua buah buku yang bertajuk '*Radiography Guidelines During COVID-19 Era*' dan '*Panduan Penunjang Radiografi Pandemik COVID-19*'. Kedua-dua buah buku ini telah diterbitkan hasil kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut sebagai langkah proaktif untuk membantu pengajar, pelajar dan semua yang terlibat dalam bidang radiografi dalam mendepani pandemik COVID-19.


Pertandingan e-Poster sempena Hari Radiografi Sedunia mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan mahasiswa UniSZA dan Poltekkes. Program seperti ini juga dapat memberi peluang kepada pelajar radiografi dan pengimejan untuk berfikir secara kritis dan kreatif melalui pembentangan dan pertandingan e-Poster yang dijalankan. Di samping itu, program ini dapat memantapkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar dengan penglibatan persatuan pelajar dalam penganjuran program.

Forum ini disertai oleh lebih 500 peserta yang terdiri daripada mahasiswa, pensyarah, pendidik dan juru-xray di seluruh Malaysia dan Indonesia. Pendedahan terhadap kebaikan dan halangan PdP semasa pandemik melalui perbincangan dan perkongsian antara dua buah institusi, UniSZA dan Poltekkes di samping menetengahkan perkembangan teknologi dalam bidang Radiografi selari dengan situasi semasa yang sedang melanda dunia. Input-input yang disampaikan oleh ahli panel membuka horizon pemikiran peserta serta memberi peluang kepada peserta untuk lebih memahami keadaan semasa khususnya pada era pandemik COVID-19.



# **SRM INSTITUTE OF SCIENCE AND TECHNOLOGY, INDIA, AND THE FACULTY OF MEDICINE, UniSZA**

## **HOLD INAUGURAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON “RABEHR-2021”**



The Department of Biotechnology, College of Science and Humanities, SRM Institute of Science and Technology, India (SRMIST), in association with the Faculty of Medicine, Universiti Sultan Zainal Abidin conducted a virtual international conference on “Recent Advances in Biotechnology and Environmental Health Research” (RABEHR-2021), from 28 - 29<sup>th</sup> October 2021.

The Inaugural session was started with prayers and a lamp lighting ceremony, reflecting the cultural foundation of both Malaysia and India. Following this was the welcome address given by Dr. S. Suresh, Head of the Biotechnology Department, SRMIST. The conference proceedings included a special address delivered by Dr. V. Subbiah Bharathi, Director of SRMIST. Senior management from SRMIST also gave talks at the conference including Dr. N. Asokan, Vice President (Academic), Dr. J. Dhilipan, Vice President (Administration), and Dr. Venkatachalapathy, Dean of Research, on appreciating the department for making this virtual conference a grand success. Dr. C. Sundar, Dean (Science & Humanities) in his address, expressed his views on working closely with UniSZA in the future and his desire to have an MoU between the two universities.

From UniSZA, a special address was given by Prof. Dr. U.S. Mahadeva Rao, Faculty of Medicine, where he thanked all the dignitaries and the Department of Biotechnology for organising the conference. He also supported the suggestion from SRMIST to work on establishing an MoU between SRM Institute of Science and Technology and UniSZA. In addition he enlightened the participants on the current integration of medicinal advancement and technological developments.

Prof Dr. Harmy Bin Mohamed Yusoff, Dean, Faculty of Medicine, UniSZA when delivering his inaugural address, explained gene therapy innovation, the importance of environmental health research, and the role of biotechnology during outbreaks like SARS and COVID. He shared his views about the global pandemic and advised researchers and scientists to adopt suitable methodologies to overcome such situations. He highlighted the discovery of vaccines for COVID as an important advancement in Biotechnology. He also explained how developers used Biotechnology as a platform for vaccine development because in this technique, a segment of the virus can also be used as an immunogenic agent.

With participation from up to 300 researchers, academics and students, the international conference was a resounding success. Not only did it serve to bring like-minded scientists together to discuss advances in Biotechnology and environmental health research, it also served as a catalyst to bring two universities from different countries together. As a direct result, UniSZA and SRMIST are now working on further international collaboration, the first step which will be the realisation of an MoU between the two institutions.





# 1 PERAK 1 GANGSA DALAM KEJOHANAN MASUM VIRTUAL ARCHERY 2021

Peserta Compound Berpasukan Wanita UniSZA yang dibarisi oleh Saudari Athirah Awni Mat Yatya, Saudari Iman Aisyah Norazam dan Saudari Nurul Syaza Husna berjaya menyumbang pingat perak pada Kejohanan MASUM *Virtual Archery* yang diadakan secara dalam talian pada 1-12 Disember 2021.

Dalam perlawanan akhir, mereka tewas kepada pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan perbezaan 18 mata. Pasukan UniSZA mengumpul 4,206 mata manakala UiTM dengan kutipan 4,224 mata.

Sementara itu, pingat gangsa UniSZA disumbang melalui acara Recurve Berpasukan Wanita yang diwakili oleh Saudari Iylia Nadhirah Adzhar, Saudari Nur Irdina Safiyya Mohd Ramizzal dan Saudari Nurul Ain Syakirah Zolkeple.



Dalam kejohanan yang dipertandingkan secara virtual yang disertai oleh sebanyak 16 Institusi Pengajian Tinggi di seluruh tanah air, ia melibatkan seramai 139 peserta secara keseluruhan. Kejohanan ini juga merupakan sesi pemanas badan bagi atlet memanah yang akan beraksi secara fizikal di beberapa kejohanan yang akan datang. Antara atlet UniSZA yang terlibat dalam kejohanan ini adalah seperti berikut:

Dengan adanya kejohanan pemanas badan ini, diharapkan agar pasukan memanah UniSZA dapat memberi saingan sebenar di kejohanan yang akan datang.



## DR. HASHIM BANTU PASUKAN CATUR MAKSAK TERENGGANU MUNCUL JUARA



Pensyarah UniSZA, Dr. Hashim Jusoh muncul wira apabila berjaya membantu Pasukan Catur MAKSAK Terengganu menjadi juara dalam Kejohanan Catur Berpasukan MAKSAK Malaysia 2021 yang diadakan di Putrajaya pada 25-29 November.

Kemenangan pasukan yang diwakili oleh Pensyarah Fakulti Perniagaan dan Pengurusan (FPP) dalam MAKSAK kali ini adalah buat kali yang kelima, meletakkan Catur Berpasukan Terengganu sebagai juara tahun 1998, 2001, 2003, 2013 dan 2021.

Beliau yang mula berjinak dengan permainan catur seawal usia sembilan tahun ini telah menunjukkan bakat seorang juara apabila berjaya menjuarai Kejohanan Catur MSSD yang merupakan penampilan kali pertama beliau pada tahun 1981.

Semenjak itu, Dr. Hashim terus menimba pengalaman dalam sukan minda ini dengan mewakili pasukan Terengganu ke Kejohanan MSSM bermula tahun 1986 sehingga 1988. Beliau yang menyambung pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda telah mewakili Universiti Teknologi Mara (UITM) ke kejohanan antara universiti awam dan seterusnya terpilih untuk bertanding World Universiade 1993 di Belgium, Amtwert.

Nama beliau juga sudah tidak asing lagi dalam Kejohanan Catur Sukan Kakitangan Universiti Malaysia (SUKUM). Dr. Hashim telah membantu pasukan UniSZA memenangi pingat Emas pada SUKUM 2012 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan 2013 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bukan sahaja aktif di peringkat kebangsaan, malah Dr. Hashim juga merupakan ahli seumur hidup bagi Kelab Catur Universiti Oxford dan telah mewakili kelab ini ke kejohanan antarabangsa. Sepanjang penglibatan beliau, Dr. Hashim memperoleh banyak pendedahan terutama dalam pertemuan dengan nama-nama terkemuka dunia seperti *Grandmaster* Hou Yifan dan Philip Mihov.

Beliau juga terlibat dalam melatih pasukan Catur Malaysia dalam ASEAN Paragames yang telah membawa pulang Pingat Emas buat negara pada tahun 2007. Kecerdasan beliau dalam mengatur strategi dengan pengalaman yang ada dapat membantu komuniti peminat catur di UniSZA khususnya dan Malaysia amnya untuk mengikuti jejak langkah beliau.





# JURULATIH DAN DUA PELAJAR UniSZA

ANTARA TONGGAK JULANG  
MUFT DI KEJOHANAN PRA U  
CUP 2021



Staf Pusat Sukan & Rekreasi UniSZA, Encik Norhisham Hassan dilantik sebagai Ketua Jurulatih pasukan Bola Sepak Universiti Malaysia (MUFT) dalam Kejohanan Bola Sepak Pra-U Cup yang diadakan pada 20-27 November di Akademi Mokhtar Dahari, Gambang.

Sementara itu, Saudara Muhammad Al Aqib Zulkifli dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi dan Saudara Mohammad Izham Mustaqim Zarawi dari Fakulti Perniagaan dan Pengurusan telah dipilih untuk membawa cabaran MUFT pada kejohanan ini.

MUFT telah muncul naib juara setelah tewas dalam perlawanan akhir kepada pasukan elit Akademi Mokhtar Dahari A dengan jaringan 5-1. Pasukan MUFT yang dibarisi rata-rata pemain berusia 19 tahun ini telah memberikan saingan yang cukup hebat walaupun mempunyai masa yang agak terhad untuk membuat persiapan.

Kejohanan ini juga merupakan platform terbaik untuk mencari bakat dari kalangan pelatih AMD dan kelab kelab di luar sana untuk menyambung pengajian di IPT selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan lebih ramai *The Thinking Athlete*.



# PELAJAR UniSZA MUNCUL NAIB JUARA PES MOBILE VARSITY E-SPORT UNI-LEAGUE



Penyertaan pertama pelajar Fakulti Perniagaan dan Pengurusan (FPP), Saudara Aiman Shahrel Nizam dalam pasukan *E-Sport* UniSZA dalam Kejohanan *Varsity E-Sport Uni-League* 2021 telah memberi tuah buat beliau apabila muncul sebagai naib johan dalam acara *PES Mobile* apabila tewas pada perlawanan akhir kepada Muhammad Rifaie Mohammad Razali dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kejohanan yang berlangsung pada 29 November hingga 26 Disember 2021 secara dalam talian ini telah diwakili oleh 11 pelajar UniSZA dalam empat acara berbeza. Selain Saudara Muhd Aiman Shahrel Nizam, Saudara Muhammad Armin Zakaria dari Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) turut memberikan saingan dalam acara *FIFA 22*.

UniSZA juga menghantar wakil dalam acara *PUBG Mobile* iaitu Saudara Mohd Radzi Rahman dari Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), Saudara Muhammad Adhwa Mohd Alwi, Saudara Muhammad Nur Dzarif Saaid dan Saudara Afiq Haikal Hashim dari FIK.

Bagi acara *MLBB* pula, ia diwakili oleh lima pelajar yang terdiri daripada Saudara Ariff Muhamad Apandi dan Saudara Aiman Azim Azhar dari Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Saudari Nur Bahiah Mohd Yusri dari Fakulti Perubatan (FP), Saudara Muhammad Zaid Ahmad Zambri dari FBIM dan Saudara Abang Shahzarith Abang Mahmud dari Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA).

Dengan pengalaman dan pencapaian ini, diharapkan pasukan *E-Sport* UniSZA terus beraksi dengan lebih cemerlang pada kejohanan akan datang.





## Pasukan Golf UniSZA Rangkul Dua Emas Di Kejohanan Golf UA Ke-48

Pasukan Golf UniSZA berjaya merangkul dua pingat emas dalam Kejohanan Golf Universiti Awam kali ke 48 yang telah diadakan pada 7-8 Disember 2021.



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniSZA, Prof. Dr. Fadzli Adam menjadi watak utama apabila merangkul kejuaraan dalam kategori Individu VVIP. Beliau juga membantu pasukan UniSZA muncul juara dalam kategori VVIP Berpasukan.

Turut cemerlang dalam kejohanan ini, Prof. Dr. Saiful Bahri Mohamed apabila berada di tempat kelima dalam kategori Individu VVIP, Dr. Mohd Sadad Mahmud yang berada di tempat ke-9; manakala Encik Muzafar Mohd Din yang berada di tempat ke-12 dalam kategori Nett Individu.

Kejohanan yang berlangsung di Kota Permai and Country Club, Glenmarie Golf & Country Club dan Sultan Abdul Aziz Shah Golf & Country Club ini disertai oleh 15 peserta dari UniSZA. Pasukan UniSZA menutup tirai kejohanan Golf Universiti Awam ke-48 kali ini dengan tempat ketiga.



# RTES ENDURANCE NOVEMBER CHALLENGE 2021

## MEDAN PENDEDAHAN ATLET EKUESTRIAN



*Royal Terengganu Endurance November Challenge 2021* sekali lagi menjadi medan pendedahan kepada atlet berkuda UniSZA. Kejohanan sukan kuda lasak ini diadakan di *Terengganu International Endurance Park (TIEP)* pada 12-14 November 2021.

Tiga penunggang UniSZA, Saudara Mohamad Kamil Che Rani, Saudara Mohammad Soufi Borhan dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan SaudaracAn Nur Muhammad Luqman Hakim Awang Drahan dari Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa telah membawa cabaran UniSZA pada kali ini. Kesemua atlet UniSZA berjaya menamatkan perlumbaan yang amat menguji ketahanan diri iaitu CEN40km dan juga CEN80km.





# UniSZA UNGGULI PUBG MOBILE DI PENTAS MASUM

Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah menganjurkan *MASUM E-Sports Championship 2021* yang diadakan secara dalam talian. Acara yang dipertandingkan ialah *PUBG Mobile*, *Mobile Legends* dan *Valorant*. Kejohanan secara maya ini telah disertai pasukan-pasukan esports dari universiti-universiti awam di Malaysia.

UniSZA turut menghantar 22 orang pelajar bagi kategori lelaki dalam acara *PUBG Mobile* dan *Mobile Legends*. Peserta terlebih dahulu bertanding di peringkat kelayakan pada 9-10 Oktober 2021 untuk melayakkan diri ke peringkat *Grand Final* iaitu pada 16-17 Oktober 2021 bagi kesemua acara yang dipertandingkan.

Di peringkat *Grand Final*, Pasukan *PUBG Mobile* UniSZA (B) yang diwakili oleh Saudara Muhammad Faris Abdul Gafar, Saudara Alfaridzi Teo, Saudara Wan Muhammad Atiqullah Wan Mohd Faudzi, Saudara Muhammad Amin Che Ruzlin dan Saudara Muhammad Rashidi Mat Zul telah berjaya mengharumkan nama UniSZA setelah dinobatkan sebagai johan apabila mereka berjaya mengalahkan pasukan daripada UPSI (B) dan UiTM (A).

Bagi acara *Mobile Legends* pula, walaupun gagal mara ke peringkat *Grand Final*, kedua-dua pasukan UniSZA (A) dan UniSZA (B) telah menunjukkan semangat berpasukan yang jitu dan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam acara tersebut. Meskipun tidak mendapat tempat, usaha mereka patut dibanggakan.





1



2



3



4



5



6



7

1 2

2 Atlet Memanah UniZA Di Kejoohan Memanah Terbuka Selangor.

3 4 5

UniZA Muncul Naib Juara Bola Sepak Pantai Monsoon Beach Challenge.

6 7

Jura PES Mobile Milik Aqif Nadzmi dalam Kejoohan MASUM Virtual Football Carnival.



# Sekitar Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA Ke-12 & 13

Gambar oleh:  
Wan Mohd Fadzli W. Samsudin, Mohd Zulfadhli Jusoh, Mohd Robi  
Nordin @ Aziz, Mohd Lokman Hamid, Syahariman A. Manaf




















### **[EBOOK] FLOOD DETECTION FROM UAV IMAGES**

Penulis : Norshuhada Ibrahim, Siti Maryam Sharun, Saiful Bahri Mohamed, Muhammad Khusairi Osman

eISBN : 978-967-2750-02-4

Harga : RM 15.90

Unmanned Aerial Vehicle (UAV) also known as drone are the comparative effective used to detect and monitoring any disaster included floods. This book described more details on how this technology able to use as detection tools in flood mitigation based on images captured, dissimilar with the current method that used in Malaysia. In Malaysia, Department of Irrigation and Drainage (DID) monitored the flood disaster based on few techniques; include the visual surveillances which are from closed-circuit television (CCTV) web camera and Synthetic Aperture Radars satellites (SAR) but CCTV web camera is only covers in specific areas and requires more installation in residential areas. Meanwhile, for satellites imagery DID admit with high operation cost and time route not at the peak flooding, it is difficult for the agency to obtain real-time information. This book displayed a few process to evaluate the proposed technique to ensure the imagery from UAV able to detect the flooded area both in qualitative and quantitative evaluation. Based on developed algorithm Percentage Flood Discover (PFD), this book really hoped that it can be a basic step especially to researchers as early exposure on capability of UAV in flood monitoring founded on image processing technique in Malaysia. It's also able to be a part references to the rescue team particularly in detecting the flooded area not only in visual surveillance, but as continuously monitoring specifically to the area that difficult to reach



### **[EBOOK] PEMIKIRAN AL-GHAZALI DALAM AMAR MAKRUH NAHI MUNGKAR**

Penulis : Wan Hishamudin Wan Jusoh

eISBN : 978-967-2750-13-0

Harga : RM 9.20

Amar makruh nahi mungkar merupakan merupakan paksi utama untuk mengawal pengamalan ajaran Islam dalam kalangan umatnya. Oleh yang demikian, pengabaian terhadapnya akan membawa kepada natijah yang buruk dalam masyarakat kerana Islam akan dipandang secara sinis dan penghayatannya kian longgar. Jika keadaan ini berlarutan dan umat Islam tidak mempedulikannya, kemungkaran akan berleluasa dan kebaikan semakin luput ditelan kealpaan dunia. Justeru, umat Islam seharusnya menghidupkan semula tanggungjawab amar makruh nahi mungkar supaya masyarakat lebih terkawal untuk mengamalkan ajaran Islam. Untuk menggalas tanggungjawab ini, seseorang perlu memahami dan mendalami beberapa aspek berkenaannya seperti hukum, rukun, syarat, dalil dan tatacara yang harus diikuti. Oleh yang demikian, buku ini wajar dimiliki oleh semua pihak untuk melaksanakan amanah yang pernah digalas oleh para nabi dan rasul ini.




### **[EBOOK] INTEGRASI DAN KEBUDAYAAN REALITI MINORITI SIAM DI TERENGGANU**

Penulis : Wan Nor Jazmina Wan Ariffin, Ramle Abdullah

eISBN : 978-967-2750-04-8

Harga : RM 9.00

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik. Kerencaman etnik memperlihatkan amalan budaya yang berbeza bagi setiap etnik. Walau bagaimanapun, perbezaan yang wujud disebabkan elemen budaya bukanlah penghalang untuk pengukuhan integrasi kaum terutamanya dalam sesebuah masyarakat plural seperti rakyat Malaysia malah ia menjadi kekuatan kepada keunikan identiti negara. Keunikan setiap budaya oleh pelbagai etnik yang berbeza latar belakang perlulah diraikan dan bukannya dilihat sebagai tembok yang menghalang perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia. Perkongsian budaya boleh berlaku dalam aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Malah, kesenian warisan juga merupakan elemen yang boleh mengeratkan hubungan dalam sesebuah masyarakat plural. Di samping itu, amalan literasi budaya perlu diketengahkan dalam diri setiap kaum supaya perhubungan yang lebih ikhlas dan harmoni dapat dibentuk demi merealisasikan integrasi nasional.



### **[EBOOK] COMPLEMENTARY AND ALTERNATIVE THERAPIES FOR OBESITY AND OVERWEIGHT PROBLEMS**

Penulis : Nurul Afiedia Roslim, Wee Bee Suan, Mohd Razif Shahril, Aryati Ahmad, Lua Pei Lin

eISBN : 978-967-2750-05-5

Harga : RM 11.50

The burden that overweight and obesity among individuals is undoubtedly substantial contributing to an increased risk of non-communicable diseases (NCDs) and pose negative impacts on people's health-related quality of life (HRQoL), despite the various strategies implemented. Therefore, the demand for more effective, safe and acceptable therapies for reducing body weight is also escalating, including complementary and alternative therapies (CATs). These specific issues regarding CATs for weight loss were explored in this monograph. Essentially, a huge amount of research, in addition to the development of new anti-obesity drugs and dietary supplements have significantly enhance weight management recently. The emphasis is now on evaluating safety and efficacy for weight loss among excess weight individuals. This book provides consensus summary of the most commonly used CATs with an updated evidence from available clinical trial data. It will explore other adverse effects affecting the individuals after CATs supplementation and the role of CATs in reducing body weight. Although lifestyle modifications (reducing calorie intake + increase physical activity) are the first-line treatment for excess weight problems, the use of alternative measures as adjunct may help to combat overweight and obesity, subsequently improve individuals' HRQoL. A summary of evidence from the selected randomized controlled trial (RCTs) on the CATs modalities for weight loss that has been identified and assessed is also added to improve knowledge in CATs among overweight and obesity population.



### **KEWANGAN DAN PENGURUSAN HARTA DALAM MASYARAKAT ISLAM KONTEMPORARI**

Penulis : Nadhirah Nordin, Sumayyah Abdul Aziz, Mahadi Mohammad

ISBN : 978-967-2231-43-1

Harga : RM 35.00


Buku ini membincangkan tentang isu-isu semasa yang berlaku dalam kewangan Islam dan pengurusan harta. Isu-isu tersebut sekiranya tidak dikupas dengan tepat dan menyeluruh akan menimbulkan persoalan dan permasalahan dalam masyarakat. Justeru itu, atas kesedaran inilah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam mengambil inisiatif untuk mengupas secara mendalam isu-isu semasa yang sering menjadi persoalan kepada masyarakat. Buku ini merangkumi dua tema, iaitu kewangan Islam dan pengurusan harta. Terna kewangan Islam melibatkan isu-isu terkini berkaitan sistem perbankan Islam, muamalat ribawiyah dalam doktrin fiqh al-aqalliyat, pemikiran transaksi pelaburan Syeikh Daud al-Fatani, perbandingan Multilevel Marketing patuh syariah dan tidak path syariah, dan kontrak derivatif komoditi path syariah. Manakala tema pengurusan harta membincangkan peranan sistem pengurusan harta Islam, kedudukan harta sepercaraan, wasiah wajibah dan inovasi dalam pembangunan wakaf. Semua isu ini telah dikupas dan dibincangkan secara mendalam. Diharap naskhah ini akan dapat member manfaat kepada seluruh masyarakat amnya dan umat Islam secarakhususnya.

### **[EBOOK] WAN MOKHTAR AHMAD PENCETUS KEBANGKITAN TERENGGANU MODEN**

Penulis : Tuan Sharif Tuan Petra

eISBN : 978-967-2231-65-3

Harga : RM 11.00



Bakat kepimpinan Wan Mokhtar yang didandani dengan kesungguhan dan ilmu tidak dapat dinafikan. Selama 25 tahun mentadbir Terengganu bermula pada 1974-1999, tokoh ini amat dikenali sebagai seorang pemimpin yang mengutamakan pembangunan dan penyebaran pendidikan Islam. Perjalanan bekas guru bahasa Inggeris ini dalam kancah politik bermula pada tahun 1963 dengan terlibat secara aktif dalam UMNO. Beliau menjadi Ahli Parlimen Kemaman setelah memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 1964. Pelbagai perubahan telah dilakukan untuk kebaikan rakyat. Meskipun tidak lagi menjadi Menteri Besar pada tahun 1999, ternyata khidmat dan sumbangannya masih lagi diperlukan apabila beliau dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi bagi tempoh lima tahun iaitu pada 2000-2005. Sesungguhnya, Wan Mokhtar memenuhi ciri-ciri seorang pemimpin yang berkarisma dan pentadbir yang cekap. Buku ini sesuai untuk bacaan setiap lapisan masyarakat. Diharapkan dengan penerbitan buku ini masyarakat akan lebih mengenali peribadi dan ketokohan beliau sebagai seorang pencinta ilmu yang menekankan kepentingan pendidikan.






### **WABAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM [EBOOK]**

**PENULIS** : Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Hasanulddin Mohd, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin

**eISBN** : 978-967-2231-974 | TAHUN 2021

**HARGA** : RM8.00

Wabak penyakit sering berlaku dalam sejarah ketamadunan manusia yang mungkin berbeza dari segi jenis, faktor jangkitan, penularan dan kadar risikonya. Wabak penyakit ini telah menjadi ancaman global sehingga hampir keseluruhan negara dan pemerintah telah melaksanakan tindakan proaktif dan drastik bagi menanganinya. Segala akitiviti dan norma kehidupan telah berubah, dan turut menyebabkan kegiatan ekonomi dan sosial lumpuh sama sekali. Ajaran Islam berdasarkan petunjuk al-Quran dan hadis telah menjelaskan panduan menangani wabak penyakit termasuklah penyakit berjangkit. Hal ini berdasarkan pedoman daripada peristiwa wabak taun yang telah beberapa kali melanda umat Islam dan seterusnya telah mengorbankan ribuan nyawa. Turut diketengahkan adalah panduan Islam dalam menangani wabak secara menyeluruh serta isu-isu hukum yang melibatkan umat Islam ketika diancam wabak. Buku ini boleh dijadikan panduan kepada masyarakat awam bagi mendepani wabak dan memberi kefahaman yang lebih tepat mengenai wabak penyakit dari perspektif Islam.




### **AL-ASMA' AL-HUSNA: MENURUT IMAM AL-GHAZALI [EBOOK]**

**PENULIS** : Mohd Hasrul Suhairi, Mohd Fauzi Hamat

**eISBN** : 978-967-2231-95-0 | TAHUN 2021

**HARGA** : RM7.00

Buku ini adalah karya ilmiah yang menjelaskan kepentingan kefahaman terhadap al-Asma' al-Husna. Huraianya berdasarkan pandangan ulama yang diakui ilmuwan dunia tanpa khilaf sebagai mujaddid (pembaharu) abad kelima, Imam al-Ghazali (505H). Idea utama buku ini banyak berdasarkan karya Imam al-Ghazali berkenaan al-Asma' al-Husna yang berjudul al-Maqad al-Asna fi Sharh Asma' Allah al-Husna. Buku ini mendedahkan pengaruh karya Imam al-Ghazali terhadap para ilmuwan Islam dalam menghuraikan nama-nama Allah s.w.t.. Ia juga menerangkan konsep, kaedah dan faedah bagi setiap individu Muslim dalam memahami al-Asma' al-Husna. Huraian terwang keperluan manusia berakhlak dengan akhlak Allah s.w.t. sebagaimana yang tersirat dalam setiap nama-nama-Nya yang terpilih juga dizahirkan. Melalui buku ini, para pembaca dibantu untuk memahami hadis sahih Rasulullah s.a.w.yang menggesa umat Islam menghitung 99 nama Allah s.w.t yang indah kerana akan diganjarkan syurga. Buku ini sesuai dibaca oleh pihak yang terlibat dalam penggubalan dasar berkaitan pendidikan akidah dan akhlak, ahli akademik, para pendidik, para pelajar dan masyarakat. Ia juga sesuai untuk dirujuk oleh pihak yang terlibat dalam program motivasi yang mengetengahkan kepentingan kefahaman al-Asma' al-Husna dalam pembinaan karakter individu.



### **MAQASID AL-SHARIAH IN ISLAMIC FINANCE THEORY AND APPLICATION [E-BOOK]**

**PENULIS** : Muhammad Shahrul Ifwat Ishak

**eISBN** : 978-967-2231-62-2 | TAHUN 2020

**HARGA** : RM11.00

Over the period, maqasid al-Shariah has been promoted as the key reform for Islamic finance practices. This subject the idea of achieving maslahah through the implementation of Shariah rulings. As a result maqasid al-shariah plays essential roles both in establishing regulations and in developing products in Islamic finance industry. Nevertheless, applying maqasid al-shaarian sometimes becomes a matter of dispute in terms of its application. This includes to interpret Shariah rulings and to implement them in actual situaions, in which some scholars claim that maqasid al-shariah is misused by certain groups to justify controversial practices. In this regard, this book attempts to clarify the concept of maqasid al-shariah and its application in islamic finance. With a combination between theory and the current practices in the industry particularly in Malaysia, it highlights a fresh and in-depth discussion regarding the subject.